

Edisi 2016

KKMM
KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
Fnas
Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

SINEMA

MALAYSIA



MENEROKA
SPEKTRUM SENI
KARYAWAN FILEM
GENERASI BAHARU

KANDUNGAN

PENGURUSAN

Ketua Pengarah
Dato' Kamil Othman



Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
Khalidah Mohd Darus



Timbalan Ketua Pengarah Produksi & Komunikasi
Dato' Fauzi Ayob



Ketua Editor
Ahmad Syazli Muhd Khair



Team Penerbitan
Siti Sarah Razali
Haikal Ahmad Nordin
Muhammad Arif Muhamimin

Sinema Malaysia
Diterbitkan Oleh:
Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia,
Kompleks Studio Merdeka
Jalan Hulu Kelang,
68000 Ampang, Selangor
Website: www.finás.gov.my

5 FINAS Ke Arah Transformasi Dan Menjana Kemajuan Ekonomi Industri – Ketua Pengarah FINAS

LENSA SINEMA

6 Meneroka Spektrum Seni Karyawan Filem Generasi Baharu

WALK THE TALK

16 Temu Bual Khas BERNAMA Bersama Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak Sempena Setahun Beliau Menerajui Kementerian Komunikasi Dan Multimedia

19 FINAS Bina Sinergi Kreatif Bersama Komuniti Luar Bandar

LENSA KLASIK

20 P. Ramlee Sanggup Potong Gaji Demi Siapkan Filem Bermutu

LENSA FINAS

23 Tanya FINAS 2.0
Cinematheque@Finas Content
Malaysia Pitching Centre,
Kuala Lumpur

KARYAWAN TAMU

25 Sabah Filem Adalah Lambang Cinta Dan Maruah Saya” - Deddy M. Borhan

DIALOG

28 Dialog Industri Kandungan Multimedia Negara

KARYAWAN TAMU

30 Aziz.M Osman - Di Sebalik Feminisme Dan Sang Pencerita

FILEM KITA

33 Ola Bola Dan Citra Malaysia

SOUL & INSPIRATION

36 Redha By Tunku Mona Riza: Of Hardships, Hope, Sacrifice And Salvation

FINAS & PRODUKTIVITI

40 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2015 | 28 April 2016



16

EKSPRESI KERJAYA

42 Medium Ekspresi yang Menjadi Kerjaya



20

ARTIKEL BAHASA INGGERIS

44 Transformation of FINAS As An Economic Engine-Director General

46 Malaysia All Set For Network of Asian Fantastic Film (NAFF)

47 Malaysia Microfilm Festival Competition Winners Announced

48 FINAS Continues To Solidify Strategic Partnerships At Asian Film Commissions Network (AFCNET)



KLIK-KLIK

50 Majlis Berbuka Puasa FINAS 2016

52 Rumah Terbuka FINAS KKMM

54 Sambutan Majlis Retro Aidilfitri 2016



23

BERITA / AKTIVITI

56 FINAS Sertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016

57 Lawatan Sambil Belajar/Kerja ke FINAS 2016

58 Program Kreatif@Komuniti



Catataneditor Habibah Zainal Abidin

CERITA YANG NAK DICERITAKAN



Menelusuri keping-keping kenangan bersama tokoh filem Malaysia, Allahyarham Seniman Dato' Mustapha Ma'arof (Dato' Mus), Allahyarham Seniman Kuswadinata (Pak Kus) dan Allahyarhamah Seniati Mariani Ismail (Mummy Mariani) ketika membuat kunjungan ke Jalan Ampas, Singapura beberapa tahun lalu, nyata mengundang emosi mengharukan.

Sambil berjalan meredah keheningan malam, Dato' Mus bercerita bahawa di jalan itulah langkah pertama beliau menjadi bintang filem bermula. Beliau datang dari Seremban menaiki keretapi dengan berbekalkan duit poket cuma \$100, mencari studio Malay Film Productions (MFP) yang terletak di Nombor 8, Jalan Ampas, Singapura.

Pak Kus sempat menunjukkan jambatan yang menjadi sebahagian lokasi penggambaran filem Madu Tiga arahan P Ramlee, ketika adegan watak Jamil (lakonan P Ramlee) dikejar tiga madunya. Secara spontan terus saya terbayangkan aksi filem komedi itu yang seolah-olah wujud di hadapan kami.

Begitulah kuatnya pengaruh karya Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee, yang meninggalkan kita kira-kira 43 tahun lalu. Betapa kuatnya pengaruh karya filem beliau. Mummy Mariani hanya ketawa kecil

Sambil berjalan meredah keheningan malam, Dato' Mus bercerita bahawa di jalan itulah langkah pertama beliau menjadi bintang filem bermula.

melihat gelagat sahabat baiknya itu yang rancak bercerita.

Kini, yang tinggal sekadar khazanah filem lakonan mereka sahaja. Segala telatah, gelak tawa, keringat dan jasa mereka dalam menghiburkan setiap hati dan jiwa masyarakat terus kekal abadi dikenang. Pastinya kita merindui lebih-lebih lagi bagi mereka yang membesar dengan filem lakonan seniman dan seniati hebat yang penah mencipta zaman kegemilangan filem Melayu pada era 1950-an dan 60-an. Mereka adalah legenda seni yang pasti dan akan terus diingati dan dihargai. Al-fatihah buat para seniman dan seniati kita.

Dalam tempoh 83 tahun perkembangan dunia sinema kita yang bermula dengan filem Laila Majnun seawal tahun 1933, arus perubahan yang melanda industri filem kita juga menyaksikan kemunculan karyawan filem baru, dari satu era ke satu era. Mereka terus menghasilkan karya filem dan seterusnya membentuk inovasi dalam industri filem tempatan. Dunia filem



di negara ini terus dimeriahkan dengan filem yang memenuhi selera khalayak zaman kini seperti Polis Evo, Munafik, The Journey dan Boboiboy The Movie.

Filem-filem itu diminati ramai bukan sekadar naratif atau lakonan semata-mata tetapi perubahan ekosistem industri filem di negara kita membentuk filem yang memaparkan elemen kepelbagaiannya budaya, bahasa dan citra bangsa. Setiap zaman ada cabarannya; Begitulah pengkarya dan anak seni zaman kini dengan pelbagai cabaran dan matlamat yang sentiasa diberi perhatian serta diperhalusi bersama dalam usaha mengangkat martabat industri filem tempatan ke tahap lebih membanggakan, sekali gus menghasilkan karya unik, memenuhi selera ramai serta beridentitikan nilai dan norma Malaysia... bak kata pepatah, "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung".

Salam manis buat semua.

LAPORAN KAJIAN PENONTONAN PAWAGAM MENGIKUT BAHASA DAN NEGERI BAGI JANUARI HINGGA JUN 2016


SUMBER : Unit Statistik
OLEH : Muhammad Arif & Haikal Nordin



PETUNJUK

👤 : JUMLAH PENONTON

💰 : JUMLAH KUTIPAN KASAR





- ▶ FINAS bergerak sebagai enjin pembangunan industri daripada komponen medium yang pelbagai pada masa sekarang dan bukan lagi konvesional. Potensi ekonomi industri kandungan global juga sangat luas dengan janaan 2.3 trillion USD yang mampu dieksplot oleh FINAS untuk mewujudkan punca sosio ekonomi kepada industri di Malaysia.
- ▶ Penjenamaan FINAS juga merangkumi peranan yang lebih komprehensif dan efisien khususnya di dalam pembangunan pasaran, pemasaran polisi, modal insan, teknologi, hartaintelek, dana, infrastruktur dan institusi yang mampu menjana kepada transformasi kualiti produk kandungan kreatif tempatan keperingkat antarabangsa.
- ▶ Peranan Pitching Centre di dalam membangunkan penerbitan produk berkualiti dengan sistem dana yang lebih efektif melalui proses bimbingan kualiti "mentoring" dan "incubating" juga diperkasakan yang mana mampu mengalakkan penerbitan projek kandungan kreatif berkualiti dengan sasaran peluang pekerjaan kepada karyawan.
- ▶ Pembangunan karyawan generasi baru perlu lebih kreatif dengan penghasilan kandungan melalui platform yang pelbagai tanpa meminggirkan faktor seperti pembangunan skrip, cerita dan teknologi.
- ▶ Dalam visi membangunkan ekonomi industri, pembangunan kualiti kandungan domestic adalah teras utama yang perlu diberi perhatian dari semua aspek "development", "production" dan "content" yang mana mampu menjana pelaburan eksport dan mempromosikan budaya tempatan di peringkat antarabangsa.
- ▶ Pembangunan kualiti karyawan menerusi program pembangunan modal insan FINAS juga terus diperkasakan dengan program kemahiran dan teknikal dengan teras "upskilling" supaya terus berdaya maju dan dinaiktaraf potensi dengan komponen masterclass dan lain-lain.
- ▶ Program-program pembangunan kreativiti dan kemahiran komuniti dan masyarakat luar bandar akan terus disinergikan dengan pihak luar supaya pembangunan industri adalah bersifat holistik dan menyeluruh.

FINAS KE ARAH TRANSFORMASI

Dan Menjana Kemajuan Ekonomi Industri –

KETUA PENGARAH FINAS



“ Pembangunan karyawan generasi baru perlu lebih kreatif dengan penghasilan kandungan melalui platform yang pelbagai tanpa meminggirkan faktor seperti pembangunan skrip, cerita dan teknologi. **”**

- ▶ Pelaksanaan pemantapan prosedur dan sistem kerja berdasarkan transformasi baru yang menuntut nilai kecekapan, pengurusan dan kerja sepasukan yang utuh bagi penambahbaikan sistem penyampaian sedia ada.
- ▶ FINAS akan terus memperkasakan Bahagian Area Office di seluruh Negara untuk menjadi hub informasi dan sinergi bagi pembangunan komuniti dengan fungsi yang lebih menyeluruh.



LENSA SINEMA

MENEROKA SPEKTRUM SENI KARYAWAN FILEM GENERASI BAHARU



Oleh: Habibah Zainal Abidin & Mohd Akram Ismail

STUDIO HO AH LOKE TERUJA MENERIMA KEHADIRAN PARA KARYAWAN MUDA YANG MEWARNAI PERSADA INDUSTRI PROFILEMAN NEGARA. ANTARA KARYA MEREKA SEPERTI BOBOIBOY THE MOVIE, LELAKI HARAPAN DUNIA, MAT MOTO – KAMI MAT MOTO BUKAN MAT REMPIT MENDAPAT TEMPAT DI HATI PENONTON. FILEM JAGAT JUGA TAK KURANG HEBATNYA, APABILA FILEM INI MENJADI PILIHAN TAYANGAN DI FESTIVAL KE -15 NEW YORK FILEM ASIA (NYAFF). BEGITU JUGA IMPAK POLIS EVO SEHINGGA TERSENARAI DI CARIAN GOOGLE MALAYSIA. UNTUK EDISI KALI INI, KAMI TAMPILKAN PERJALANAN SENI KARYAWAN GENERASI BAHARU UNTUK TATAPAN BERSAMA.



NIZAM RAZAK

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Saya mula mencebur bidang filem dan animasi pada tahun 2005 bersama dengan syarikat Les' Copaque Production. Saya terlibat dalam penghasilan siri animasi Upin & Ipin dan kemudian mengarah filem animasi GENG: Pengembalaan Bermula. Pada tahun 2009 saya menubuhkan Animonsta Studios dan mula menghasilkan siri animasi BoBoiBoy. Pada awal tahun ini saya telah mengarah dan menghasilkan BoBoiBoy The Movie yang berjaya menembusi pasaran Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Saya bermula agak awal dalam bidang filem dan animasi. Setelah belajar selama 4 tahun di Multimedia University, saya terus terlibat dalam penghasilan animasi pada tahun 2005. Pada waktu itu tidak banyak kepakaran dalam penghasilan filem animasi 3D. Oleh itu saya sendiri mengambil tugas sebagai pengarah filem animasi sejak mula lagi sehingga sekarang.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Saya sering memberikan fokus kepada filem animasi aksi berserta komedi yang sesuai untuk tontonan seisi keluarga. Dari segi medium, saya menggunakan animasi 3D.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

Saya tidak mempunyai idola dalam bidang ini tetapi saya suka menonton filem animasi dari Hayao Miyazaki. Ianya memberikan keyakinan kepada saya untuk menghasilkan cerita dari budaya kita sendiri tetapi untuk tontonan semua.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Bagi saya, karya Malaysia adalah karya yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia dan mengandungi budaya kita. Untuk menembusi dunia, karya kita mestilah berkualiti dan mempunyai kandungan yang boleh diterima di peringkat dunia.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

Motivasi saya adalah apabila melihat satu keluarga terhibur menonton filem yang saya arahkan. Penting bagi saya untuk mewujudkan masa berhibur yang berkualiti bersama keluarga dan kawan-kawan.

Terangkan Cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Dalam penghasilan filem animasi, modal merupakan antara cabaran utama. Keperluan teknologi terkini dan canggih menyebabkan kos pembikinan melambung tinggi. Penembusan pasaran lain juga agak terhad dan ini menyebabkan kutipan terlalu bergantung pada 1-2 negara sahaja.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Bagi saya, penekanan yang paling penting untuk kekal relevan ialah aspek penceritaan yang menarik dan pengarahan yang dekat dengan hati penonton. Selain daripada itu, teknologi dalam bidang animasi 3D memainkan peranan penting untuk kekal relevan.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Pencapaian membanggakan saya ialah apabila melihat ramai keluarga menonton filem animasi yang saya arahkan. Baru-baru ini seramai 1.6 juta penonton membanjiri pawagam di Malaysia, Indonesia dan Brunei untuk menonton BoBoiBoy The Movie.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Filem animasi perlu ditransformasikan supaya boleh menembusi pasaran lain di peringkat yang lebih tinggi. Kita juga perlu menghasilkan lebih banyak produk sampingan bagi menjana pendapatan dan seterusnya menghasilkan filem animasi yang lebih berkualiti.



PEKIN IBRAHIM

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Pada mulanya saya hanya melibat diri di belakang tabir sekitar tahun 1997 hingga 2000. Seterusnya, saya mula fokus dalam bidang lakonan hingga sekarang. Saya terlibat dengan lebih 20 filem dan ada 8 filem terbaru yang akan ditayangkan untuk tahun 2016-2017. Saya mula menjadi pengarah filem feature pertama yang bertajuk MAT MOTO, dan mengarah sebuah dokumentari "THE REJECTION". Saya menubuhkan syarikat KL MEDIA HOUSE dan sekarang sedang menerbitkan filem dokumentari yang pertama di Malaysia bawah arahan Raja Mukhariz. Dokumentari tersebut akan ditayangkan di pawagam pada 2017.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Saya mengambil masa lebih 10 tahun untuk mengarah filem pertama, dalam tempoh itu bukan sahaja ilmu filem, malah selok belok pembikinan filem juga amat saya ambil berat dan haruslah saya faham dan yakin. circle atau marketing juga harus saya perkukuhkan supaya keyakinan untuk mereka yang terlibat dan berkerja dengan saya.

Apakah signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Susah untuk saya terangkan tentang signature saya dalam karya, tapi sebagai penggiat yang serius saya suka menghasilkan karya yang dekat dengan diri saya sendiri. Bagi saya, karya itu nampak tulus dan kebenaran untuk meyakinkan penonton amat penting. Jika penonton percaya dengan apa yang saya ceritakan bermakna karya itu benar-benar dekat dengan mereka dan saya suka bermain dengan sub budaya dan jiwa.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

Peranan idola perlu buat saya. Bagi saya, "*Art is photocopy*", cuma yang membezakan saya dan idola saya adalah rasa dan idea pembikinan. Malah, lakonan juga saya boleh berbeza kerana yang mengzahirkan watak itu adalah saya. Idola hanya membantu saya untuk berjuang lebih fokus dan menjadikan saya ada sifat kemanusiaan yang kuat berkerja. Nilai berguru itu amat saya hargai walaupun setiap ilmu yang saya belajar itu adalah secara formal atau pun tidak formal.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Definisi karya Malaysia bagi saya simple, iaitu Jujur dan *marketing*. Kita boleh hasilkan beratus filem yang baik dan berwajah Malaysia, tapi kalau *marketing* yang tidak kuat juga boleh melemahkan karya itu sendiri. Apa jenis filem sekali pun tidak bererti filem karya Malaysia itu haruslah berbudaya orang Malaysia. Malah kita tidak boleh lari dengan pembikinan sesebuah filem masih bersifat teknikal. Tapi sekurang kurangnya pembikinannya haruslah bersifat patriotisme dan mengangkat agama serta juga struktur Melayu. Jadi

penghasilannya akan nampak karya kita orang Malaysia. walaupun filem Sains fiksyen sememangnya menjurus kepada kehebatan Filem dari Hollywood.

Nyatakan motivasi dan galakkan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi.

Motivation saya untuk terus berkarya adalah cinta dan sayang saya kepada sejarah filem kita. Saya ingin menjadi seseorang yang menyumbang kepada sejarah filem dan ada cerita untuk anak bangsa saya meneruskan dan Jangan sesekali berhenti menulis tentang filem kita. Keluarga saya dan Ibu saya juga mendorong saya untuk tidak pernah putus asa menghasilkan karya.

Terangkan cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi oleh karyawan filem Malaysia?

Isu saya sebagai pembikin hanya satu, saya masih tidak faham adakah masyarakat dan penonton Malaysia faham tentang proses pembikinan sesebuah filem? Hal ini kerana amat mudah mereka mengkritik dan menghukum filem kita tanpa menonton atau pun tanpa memikirkan kesan terhadap pembikin yang mula patah hati atau pun berputus asa. Isu content? Apa yang Malaysia inginkan? Kita buat filem lain dari kebiasaan, masih kutipan tidak seperti yang diharapkan atau kalau bukan masalah penonton atau masyarakat? Salah Siapa? atau salah pembikin itu sendiri? Ya, mungkin juga sebab masih ada penggiat filem yang membunuh sesama penggiat.



Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Jadi diri sendiri dan tak payah rasa diri ini megah atau besar. Saya dan masyarakat kita sama je. Tidak ada apa yang perlu kita angkuhan dan saya faham. Medium filem adalah *medium art* yang paling sempurna kerana dalam filem ada *music, acting, Grafik, painting, CGI, design* dan lain-lain. Jadi semua ini ada pada sekeliling kita. untuk jumpa semua jenis art ini. Haruslah kita cari dan merendah diri tanpa ego kita akan bertemu dengan zat-zat ini.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Pencapaian saya cukup sekadar saya masih ada dan masih menghasilkan filem. Apa yang saya sasarkan adalah sentiasa menghasilkan karya yang baik untuk industri seni filem tanah air

Erti transformasi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industry kita ini?

Bagi saya, transformasi untuk sentiasa menyumbang kepada ekonomi adalah *Just do it. I believe, everyday is a transformation for me toward creative industries because my life is all about contribution, No matter what.*



SHANJHEY KUMAR PERUMAL

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Saya merupakan graduan Universiti Sains Malaysia (2000-2003). Saya menyertai sebuah syarikat produksi bernama Pro Majestik Sdn. Bhd. Saya bekerja dipelbagai bidang sebagai Juruaudio, Jurukamera, Penyelidik, pembikin proposal, Penolong penerbit dan sebagainya sebelum saya diberi peluang untuk mengarah rancangan kanak-kanak, dokumentari, musical untuk televisyen. Kemudian saya menyertai MiTV sebagai penerbit promo selama 2 tahun, dan seterusnya 'freelance' dari tahun 2005 hingga 2011. Pada 2011 saya menuhubkan sayarikat produksi sendiri, Skyzen (M) Sdn. Bhd. Filem Jagat merupakan projek sulung syarikat kami.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Proses kematangan adalah proses yang berterusan. Saya melihat proses kematangan dari segi 'inner search'. Pada awal karier saya, saya banyak mencuba untuk melengkapkan diri saya dengan pengetahuan 'teknikal'. Seterusnya saya mengambil 'break' yang agak lama. Tempoh ini saya gunakan untuk melengkapkan diri saya dengan subjek falsafah dan spiritual dan Sejarah Dunia. Tanpa disedari ketiga-tiga elemen ini memberi ke dalam karya saya. Walaupun saya sudah bersedia untuk membuat filem pada 2009 namun agak sukar untuk mendapat 'funding' untuk membuat filem 'Jagat'. Apabila difikir kembali, kemungkinan ia ada hikmah. Tempoh yang lama membantu saya untuk menjadi sedikit matang. Saya masih berada dalam proses kematangan. Apapun cabaran hidup membuatkan saya untuk melihat kehidupan dari perspektif yang lain.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Ini adalah karya pertama saya dan saya masih mencari identiti saya. Saya melihat diri saya sebagai 'arranger' dan 'orchestra conductor' yang menyatukan pelbagai elemen seni di bawah satu bumbung, iaitu filem. Kemungkinan saya mempunyai bakat untuk mengenal pasti bakat orang lain, dan berupaya untuk mengambil yang terbaik dari mereka.

Hidup ini amat singkat. Kemungkinan saya hanya mampu untuk mengarah 10-25 filem sahaja dalam tempoh produktiviti saya. Saya tidak mahu membuang masa dengan membuat projek yang saya tidak percaya.

Untuk bersedia mengarah filem sulong, saya pernah menolak puluhan tawaran untuk mengarah drama untuk TV. Bukan saya pandang rendah terhadap drama TV. Saya datang dari industri TV. TV mengajar saya asas untuk menghormati Deadline, mengurus budget dan masa secara optimum, tetapi drama TV tidak memberikan ruang, masa, kebebasan royalti dan imbuhan yang seajar dengan karya. Sebab itu saya *stick* dengan membuat dokumentari dan travelog.

Melalui Travelog saya dapat ekspres diri saya dengan jujur. Tetapi keputusan saya untuk tidak mengarah drama TV membuat saya sengsara. Pernah juga saya hidup 2 tahun tanpa apa-apa projek. Ini adalah kerana ramai produser yang mengarah sendiri projek Travelog dan dokumentari untuk 'cut cost'. Di Malaysia, *non-fiction* dipanggil rendah berbeza dengan *fiction*.

Jagat hasil dari 'Blood and Tears'.

Saya rasa keputusan saya untuk mengatakan 'yes' dan 'no' pada waktu projek tertentu membawa saya ke 'Jagat'. Kemungkinan saya tidak akan membuat 'dream project' saya ini sekiranya saya mengatakan 'yes' kepada pelbagai projek yang saya tidak percaya dan 'passionate about'.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

Banyak idola. Satu persamaan sahaja diantara kesemua idola ini. Kita semua mempunyai idea. Setiap orang awam/audience sekalipun boleh datang dengan idea. Tetapi hanya seorang master boleh mengenal pasti apa idea yang patut diperkaryakan dengan treatment yang tertentu. Masters percaya dengan idea mereka manakala artis biasa terikut-ikut dengan pendapat orang lain. Mereka percaya dan berusaha untuk merealisasikan idea mereka. Apabila semua orang tidak percaya dengan idea mereka, mereka percaya. Bagi mereka tidak salah sekiranya orang ramai tidak percaya kepada sesuatu idea kerana bukan semua orang adalah visionary yang mendapat vision itulah yang sepatutnya tidak harus untuk mengaku kalah. Itulah yang betul-betul memberikan impak kepada saya.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Mengapa perlu tergesa-gesa untuk menembusi pasaran dunia sedangkan kita masih belum menembusi pasaran domestik dan Asia Tenggara? Kita mempunyai 30 juta penduduk. Hanya 1.5 juta rakyat Malaysia menonton filem Malaysia di pawagam berdasarkan kutipan tertinggi.

Saya rasa penting untuk rakyat sendiri untuk menghargai filem tempatan. Selainnya akan berlaku dengan 'organik' saya percaya. Kadang-kala agak mudah juga untuk 'impress' festival filem yang ciput dengan menggunakan elemen-elemen tertentu.

Sekiranya kita melihat filem-filem agung sepanjang zaman, ianya bertitik tolak dari keinginan 'master filmmaker' untuk berkomunikasi dan ekspress diri dengan jujur.

Saya percaya filem yang jujur akan melepas segala rintangan bahasa, kaum, budaya dan negara.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

"The cave you fear to enter holds the treasure you seek". Di mana terletak cabaran dan rintangan, di situ lah terletaknya ganjaran. Ganjaran itu tidak sepatutnya wang ringgit dan fame tetapi ganjaran lebih kepada nilai kepada masyarakat dan seni.

Saya melihat diri saya sebagai 'Torch bearer'. Tukang pembawa unggul kepada generasi akan datang.

Perjalanan itu lebih penting dari destinasi. Sekiranya kita fokus kepada destinasi, kita akan hampa tetapi apabila fokus diberikan kepada perjalanan tanpa mengharapkan imbuhan, ianya akan memberikan galakan, motivasi dan kepuasan hidup. Kami hanya ingin 'practise art' dengan *passionate*.



Terangkan Cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Masyarakat kita (industri dan audience) lebih kepada Technical orientated. Kadang-kala begitu senang untuk 'impress' audience Malaysia. *Just focus on the 'fancy stuff' and plagiarise filem Barat.* Mudah sangat untuk *impress*.

Begitu mudah untuk menjadi kambing biri-biri yang angguk dan 'follow' daripada menjadi Singa yang memilih jalan sendiri.

Ke mana perginya semangat untuk bercerita? Cerita yang asal kurang mendapat sambutan. Sistem pendidikan telah melahirkan majoriti masyarakat yang kurang mempunyai daya 'critical thinking'

Kita melaung 'Malaysia Truly Asia' untuk menarik pelancong asing, tetapi disini sejauh mana kita 'celebrate' budaya, adat resam, sejarah kaum-kaum yang lain? Sudahkah kita mengenali sesama sendiri melangkaui Ali, Muthu, Ah Chong, Aminah, Swee Lan, Letchumi dan Baju Melayu, Cheng sam dan Jippa ?

Masyarakat kita juga mempunyai sifat untuk menonton secara 'free' sahaja. Yang terbaru saya terkejut untuk melihat filem Malaysia dimuat naik di dalam 'facebook video' (durasi penuh) dan dicari sebanyak 40 ribu dari akaun peribadi facebook masing-masing. Ini adalah cabaran-cabaran yang kami hadapi.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Saya sentiasa mengingatkan diri saya "go to the basic". Saya adalah penglipur lara yang mahu bercerita. Cerita yang baik mampu mengubah dan menyumbang kepada perkembangan rohani manusia. Cerita yang baik juga mampu menyumbang kepada ekonomi. Masyarakat kita selalunya mengkategorikan filem kepada dua. filem komersial dan filem seni. Saya percaya kemahanan asas untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan seluruh dunia mampu melahirkan filem hybrid yang bukan sahaja mempunyai nilai seni tetapi juga turut mempunyai potensi untuk 'reach' masyarakat global. *Its all starts with one basic things.* Keinginan jujur untuk berkomunikasi.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Apabila kami 'approach' filem Jagat kepada pemamer dan studio, kami diberitahu

bahawa, filem Jagat merupakan filem kritikal. Bukan sahaja ianya filem kritikal tetapi ianya filem bahasa minoriti, jadi agak sukar untuk mendapat audience Tamil sekalipun inikan pula audience Non-Tamil. Kita masih membeza-bezakan karya melalui kategori 'bahasa'. Saya tidak menyalahkan mereka. Sistem adalah sedemikian rupa sejak berpuluhan tahun. Namun kami merasa bangga apabila 'Jagat' mampu memecahkan kategori kaum dan bahasa. Boleh dikatakan 'Non Indians audience' adalah lebih banyak

batasan bahasa, agama dan kaum dimasa hadapan. Seni adalah salah satu elemen untuk menyatukan kita semua. Kepada masyarakat kita yang kurang mempunyai budaya membaca, filem adalah elemen yang kuat untuk mencapai impian ini.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Kenal diri. Tanpa kenal diri sendiri kita



“ Masyarakat kita juga mempunyai sifat untuk menonton secara 'free' sahaja. Yang terbaru saya terkejut untuk melihat filem Malaysia dimuat naik di dalam 'facebook video'... ”

tidak boleh berkomunikasi menerusi filem. Sekiranya saya tidak kenal diri, saya hanya mampu berdakwah dan meniru secara bulat-bulat bukannya menerusi keinginan untuk 'ekspress diri'. Saya masih mencari identiti saya. Saya percaya transformasi perlu berlaku secara *inwards*, bukannya *outwards* menerusi peranan kerajaan, organisasi yang mewakili kumpulan tertentu dan juga menerusi masyarakat sekeliling.

dari 'Indian Malaysian audience' sendiri. Masih terdapat permintaan dari Pantai Timur dan Sabah Sarawak untuk filem Jagat. Ada di antara audience yang sanggup travel dari Kemaman untuk menonton filem Jagat di Kuala Lumpur. Kami ingin memecahkan



GHAZ ABU BAKAR

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Saya merupakan graduan pertama dari Multimedia University (MMU) dari tahun 2000. Saya menjadi pensyarah selepas itu di MMU selama 8 tahun dari 2001-2009. Pada masa yang sama juga menjadi penerbit dan pengarah muzik video bagi artis-artis tersohor seperti Anuar Zain, Shiela Majid, Stacy, Akim dan Dato Siti Nurhaliza. Mula membuat telemovie pada tahun 2009 dan seterusnya filem yang pertama, Hantu Kapcai pada tahun 2011.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Pembelajaran 3 tahun di universiti dan setelah lebih dari 50 muzik video dihasilkan baru saya rasa yakin dengan kerja sebagai pengarah untuk filem komersil.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

"Visual Style", cara suntingan dan pergerakan plot serta dialog yang dekat di hati penonton.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

David Fincher merupakan salah seorang pengarah idola saya dan saya benar-benar mengikuti jejak langkah beliau dari menghasilkan video muzik hingga ke filem cereka.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Karya yang mengetengahkan budaya kita, penceritaan tentang orang kita yang mana masyarakat diluar ingin saksikan.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

Penyampaikan mesej penceritaan yang memberikan kesan di hati penonton baik dalam suka atau duka selepas selesai menonton sesebuah filem saya.

Terangkan Cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Isu bajet yang rendah tetapi harapan yang tinggi dari penerbit dan penonton. Penulisan skrip yang lemah dari segi perjalanan plot, karakter dan dialog-dialog.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

"Always keep up with the technology, find new ways to tell a story and work with young and enthusiastic filmamker to inspire them."

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Kutipan box office 18 juta dari Polis Evo. Saya ingin terus menghasilkan filem yang menghiburkan dan memberi kesan di hati penonton terutama filem berdasarkan kisah benar.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Berubah ke arah kebaikan dan berkongsi pengalaman yang ada untuk karyawan filem akan datang. Sentiasa membuka minda untuk perubahan dan tidak takut untuk gagal dan terus mencuba.

“ David Fincher merupakan salah seorang pengarah idola saya dan saya benar-benar mengikuti jejak langkah beliau dari menghasilkan video muzik hingga ke filem cereka. ”





LIEW SENG TAT

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

I started making short films starting from around year 2003. In 2007 I made my first feature film FLOWER IN THE POCKET. In 2014 I made my 2nd feature LELAKI HARAPAN DUNIA.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Proses pembelajaran dan kematangan akan mengambil masa lebih kurang dari masa saya mula membuat filem sampai ke akhir hayat saya.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Soalan ini harus ditujukan kepada orang-orang yang pernah menonton dan mengetahui tentang filem-filem saya.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

It's important for us to have our favourite films and filmmakers. I do, as an audience and a filmmaker. I have a lot of respect for a lot of filmmakers out there, from Charlie Chaplin, Abbas Kiarostami, Takashi Kitano to Mamat Khalid (to name a few). Berdasarkan tontonan daripada filem mereka telah mengilhamkan saya membuat filem, atau menghasilkan lebih banyak filem. Menonton filem mereka yang telah membuka fikiran saya tentang sinema, bahawa ianya boleh jadi sesuatu yang menarik dan mempunyai mesej atau sebaliknya.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

I think all the films with stories that reflect Malaysian culture, society and languages should be defined as Karya Malaysia, regardless of whom and where the filmmakers are from. A film that has a strong original voice is a good film. A good film will travel and watched by people all over the world.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

If there were no risks and challenges in filmmaking, there is no point. I might as well just be a... chair.

Terangkan Cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Our education system doesn't encourage arts. Thus breeding a society that don't appreciate arts. That's the biggest problem filmmakers (also applied to pengiat seni yang lain) face EVERYDAY in Malaysia.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Saya tidak tahu dan saya berharap sangat nak tahu. Boleh tak sesiapa yang tahu, beritahu saya?

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

There was once after the screening of my 1st feature FLOWER IN THE POCKET in Buenos Aires, a member of the audience came up to me with tears in her eyes telling me that my film reminds her of her father and her childhood. She thanked me. I was touched. I never knew a small Malaysian film would go so far to South America and touched the audience there.

I want to continue make films not only for Malaysian audience but for audience outside the country too, to keep making a presence for Malaysian cinema internationally.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Erti transformasi bagi saya as a filmmaker - I wish to improve on my filmmaking skills from one project to another. Hopefully I will get better in telling stories and make more quality films. I believe quality films can be an asset to improve our industry.



“Menonton filem mereka yang telah membuka fikiran saya tentang sinema, bahawa ianya boleh jadi sesuatu yang menarik dan mempunyai mesej atau sebaliknya.”



NADIRA ILANA

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Saya berasa cukup bernasib baik kerana dapat belajar filem di luar negara tetapi sinema Asia Tenggara yang telah membuatkan saya ingin membuat filem di Malaysia. Saya tidak pernah melihat filem Malaysia di pawagam sebelum ini kerana pawagam Malaysia sangat semenanjung sentrik, tetapi pada masa yang sama saya tidak tahu banyak tentang warisan saya sendiri. Maka saya mula membuat dokumentari di Sabah, walaupun saya selalunya membikin filem cereka.

Saya sangat bangga bergelar pembikin filem Malaysia, tambahan pula kita mempunyai bakat yang hebat, filem yang bagus dan sokongan daripada komuniti di sini. Saya mula menganjurkan acara di Kuala Lumpur beberapa tahun yang lalu dan juga sekali-sekala merancang penayangan filem pendek dengan harapan ianya dapat menggalakkan penonton untuk menghargai pembuat filem Malaysia. Jika kita boleh menceriakan dan menyokong atlet Malaysia kita yang mewakili negara di luar negara, kenapa tidak membuat filem tempatan kita juga?

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Saya pernah ke A.S. untuk setahun ketika program pertukaran pelajar dan kolej saya telah membantu kami membuat banyak filem pendek kami sendiri. Pada masa tersebut saya tidak pernah terfikir untuk menjadi seorang pengarah tetapi ianya merupakan perasaan yang *natural*, maka saya melakukannya. Saya tidak mengenali ramai orang di sana kerana saya merupakan pendatang baru dalam bidang tersebut. Oleh itu, saya mula melakukan kerja penggambaran, penyuntingan, pengarahan menunjukkan dan melakukan audio untuk filem pendek saya sendiri.

Sesetengah orang mengatakan bahawa ianya mengambil masa dan pengalaman untuk menjadi seorang pengarah. Mungkin secara profesional, tetapi jika anda mengusahakannya sendiri filem-filem tersebut, anda boleh mula mengarah pada bila-bila masa. Ianya bukan tentang menunggu bagi mendapatkan pengalaman. *"Make your own opportunities, make mistakes but ultimately have fun and love what you do"*.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Saya melakukan banyak penyelidikan sebelum saya meneruskan sebarang projek. Saya gemar membaca buku dan saya suka bercakap dengan orang yang lebih tua kerana mereka mempunyai cerita yang terbaik. Banyak proses yang saya lalui sekarang adalah untuk cuba menjadi seorang pendengar yang lebih baik. Saya cuba belajar tentang cara untuk menarik penonton dan apa yang mereka perlukan.

Adakah mereka perlukan filem ini? Bolehkah filem ini membawa perubahan dalam hidup mereka? Patutkah cerita ini menjadi sebuah rencana atau satu filem cereka? Saya cuba menceritakannya dengan seberapa betul yang mungkin dan kemudian saya cuba fikirkan bagaimana untuk menjadikannya berkesan melalui pengagihan bentuk lain. Saya mahu memastikan bahawa orang yang menginspirasi filem tersebut dapat melihat perkara itu juga. Saya membuat dokumentari dalam bentuk jaringan kerana ianya dapat membantu mengembangkan sesuatu budaya untuk maju ke hadapan. Saya akan cuba membuat filem cereka supaya dapat pergi lebih jauh dalam industri ini. Jadi, saya berharap dapat latihan yang saya perlukan untuk peningkatan kemahiran sedia ada.

Impian saya adalah saya mahukan orang yang melihat filem saya bukan sahaja berasa seronok tetapi juga berasa bahawa, "this is mine". Sesetengah cara untuk memperkuuhkan sesebuah filem dalam sesebuah budaya juga sebenarnya datang daripada perasaan takut. Oleh itu, saya mengatasi ketakutan itu dengan menanam tanggapan bahawa jika saya tidak buat filem di Sabah, dengan meletakkan etnik Dusun sebagai budaya saya, bahasa nenek saya, mungkin ianya akan benar-benar mati dalam generasi berikutnya. Jadi sekarang saya mula berfikir tentang bagaimana untuk mengambil cerita kebudayaan dan membuat filem untuk dijadikan hiburan dan menjadikannya 'cerita luar biasa'. Perkara terbaik adalah apabila orang muda memberitahu saya filem garapan saya membuatkan mereka mahu belajar lebih banyak tentang sejarah dan budaya mereka sendiri. Itu amat bererti buat saya.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?


Terdapat ramai karyawan filem yang saya sangat hormati dan salah seorangnya mestilah Tan Chui Mui. Dahulunya saya seorang yang sangat tegas terhadap diri saya sendiri dan masyarakat juga begitu kepada saya, tetapi ini sekali lagi menjadi penyebab membuatkan saya seronok untuk membikin filem yang menarik. Chui Mui menjadikan saya tenang walaupun saya ada membuat silap dan dia juga membuatkan saya ingin terus mencuba. Chui Mui seorang yang tegas tetapi dia yang selalu memberi dorongan. *Next New Wave* adalah satu permulaan yang terbaik kerana ia membuatkan saya benar-benar berjuang dan bengkel tersebut menyediakan satu persekitaran yang kondusif bagi karyawan filem muda dan berpeluang untuk mengenali karyawan filem serantau. Komuniti karyawan filem tersebut penting buat saya. Kami semua melakukan yang terbaik kerana kami menyokong antara satu sama lain.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Sekarang saya sedang membuat filem cereka pertama saya yang bertajuk *Wilderness* dan penggambarannya di Kota Kinabalu. Ianya sangat Borneo sentrik dan wataknya adalah berdasarkan orang yang saya kenal di Sabah tetapi temanya adalah universal. Saya berkerja dengan orang dari Eropah, Afrika dan Asia Selatan yang membaca skrip filem ini mendapati bahawa mereka dapat merasakan dan tahu tentangnya walaupun mereka tidak pernah pergi ke Borneo sebelum ini. Kami cuba menceritakan tentang kemanusiaan dan orang akan menyaksikannya dapat merasakan sebagai sebahagian daripada diri mereka walau dari mana sekalipun mereka berasal. *Film is a way of traveling without traveling so it's important to contextualise films within a Malaysian setting*. Ianya juga dapat membangkitkan isu yang secara spesifik milik kita supaya orang di luar negeri boleh berasa seperti mereka mempunyai satu pengalaman di Malaysia apabila mereka menonton filem kita.



“ Impian saya adalah saya mahukan orang yang melihat filem saya bukan sahaja berasa seronok tetapi juga berasa bahawa, “this is mine”. ”



Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?
I can't imagine myself doing anything else.

Terangkan cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Membikin filem di Sabah boleh jadi amat memenatkan kerana industri perfileman sangat semenanjung sentrik. Logistiknya sangat mahal. Kebanyakan daripada sumber kita dan krew profesional adalah di Semenanjung Malaysia. Saya bukannya tidak boleh membuat filem di Semenanjung tetapi saya masih mempelajari tentang budaya, manakala saya juga ingin mencuba untuk belajar tentang Sabah kerana saya rasa saya tahu sangat sedikit mengenainya. Saya boleh buat filem-filem genre, tetapi saya mahukan keunikan, filem-filem genre tempatan.

lanya mencabar apabila saya pertama kali memulakan pembikinan filem di Malaysia pada 2012 kerana saya tiada sesiapa yang bekerja dengan saya di Sabah sehingga tahun ini. Sebelum ini, apabila filem-filem saya ditayangkan di Semenanjung, kadang-kadang penonton akan hanya menutup siaran kerana tiada kesedaran tentang ‘Malaysia yang satu lagi’. Namun, banyak yang berubah sekarang dengan orang mula menjadi lebih ingin tahu tentang Sabah Sarawak; industri perfileman sekarang juga mula menyiaran cerita-cerita Borneo, kerajaan dan FINAS juga menyokong dalam membangunkan karyawan filem dan content di sana.

Untuk projek Big Stories Bongkud-Namaus, saya terpaksa bukan sahaja membikin filem dengan satu komuniti di Ranau, Sabah



tetapi juga menganjurkan kampung *world premiere* untuk 1000 orang. Saya amat bimbang kerana saya kurang daya untuk melakukan tayangan tetapi FINAS telah membantu saya untuk menepati janji saya kepada komuniti di sini walaupun saya berada terlalu jauh dari Kuala Lumpur. Selalu akan ada cabaran lain pada masa hadapan tetapi sekarang ini, saya rasa amat bernasib baik dengan sokongan yang diberikan oleh FINAS dan Ketua Pengarah Dato’ Kamil Othman. Saya amat berterima kasih untuk ini.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Be a good person and make a good name for yourself. Your good intentions will come through in your films.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

12hb Mac 2016 adalah hari tayangan perdana untuk *Big Stories Bongkud-Namaus*. Pengeluaran filem ini yang sepatutnya mengambil masa hanya tiga bulan bertukar menjadi setahun selepas gempa bumi di Sabah. Terdapat begitu banyak cabaran sepanjang jalan itu, tetapi itulah yang telah merubah diri saya. Terdapat permainan kampung seperti melemparkan telur dan tarik tali. Terdapat pertandingan membina pondok dan seorang lelaki yang mempunyai sebilah parang moyangnya yang digunakan semasa zaman pemburuan kepala. Mereka juga cuba menghidangkan untuk tetamu kehormat pada hari itu dengan kelawar panggang. Ia sungguh pelik!

There was so much love in the air after watching the films because it made the community feel even closer together than before. Kami juga berkaraoke selepas itu. Ianya membuatkan saya ketawa bila terfikir bahawa orang di Kuala Lumpur tidak akan percaya jika saya memberitahu mereka beginilah tayangan filem perdana yang jauh dari acara gilang gemilang dan karpet merah. Ia adalah pengalaman yang berharga kepada saya kerana ia menunjukkan bahawa filem boleh membawa perubahan dalam kehidupan seseorang. Kadang-kadang kita terlalu fokus pada industri dan box offices sehingga melupakan pengalaman manusia kerana itu adalah filem yang sebenarnya.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

For filmmakers, every film is a milestone and I'm grateful to be able to see how I've grown each time. Saya tidak pasti bagaimana saya boleh menyumbang kembali kepada industri dan ekonomi sehingga saya membuat filem cereka pertama saya, jadi saya berharap akan dapat merasai pengalaman itu juga.



DIFFAN NORMAN

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Permulaan saya dengan Sinema Malaysia bermula dengan keinginan untuk mengarah video muzik. Selepas menghasilkan beberapa filem pendek sewaktu belajar di Limkokwing, saya diundang oleh Radhi OAG untuk mengarah "single" pertama dari album Satelit Ink. Walaupun video itu dicalonkan sebagai video muzik terbaik di AIM 2004, industri muzik Malaysia sewaktu itu sedang menghadapi kecaman cetak rompak internet yang mendadak, sekaligus mengurangkan peluang untuk menceburi bidang ini. Namun begitu, keinginan saya untuk berkarya, secara halus menuju ke dunia sinema.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

Proses pembelajaran dari segi akademik mengambil masa 5 tahun. Saya juga menganggap pengalaman saya dalam industri pengiklanan Los Angeles buat 8 tahun sebagai proses kematangan dan pembelajaran dari segi merangkakan "pipeline" dan "komunikasi" yang jelas diantara semua aspek bagi sebuah projek. Tambahan pula, setiap industri di mana-mana benua, negara, negeri, dan bandar mempunyai "corak-kerja" tersendiri yang mesti dihormati dan dipelajari sebaik mungkin. Sebagai contoh, saya sentiasa mengundang nasihat veteran dan rakan seperjuangan kami di Malaysia terutamanya dalam menghasilkan filem cereka yang pertama. Kesimpulannya, proses pembelajaran tiada penghujung.

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

Pengalaman saya dalam bidang animasi, *design* dan *live-action* memberi semangat "Do-It-Yourself" yang saya kahwinkan bersama apresiasi yang cukup besar bagi proses dan kraf perfileman. Walaupun keinginan untuk melaksanakan projek dengan serta merta memang wujud, saya tetap menghormati gerak langkah filem cereka yang mengambil masa dan proses yang agak berlainan dengan karya pendek. Contohnya, dalam industri pengiklanan, produksi sentiasa memecut, dalam rangka filem cereka, sifatnya lebih seolah berlari "marathon" dari Mersing ke Kangar. Stamina dan keinginan mestilah kuat.

Peranan idol anda dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

Saya memang minat mendengar komentar pengarah-pengarah yang saya cukup hormati. Impak mereka bukan sekadar penghasilan filem, imej, mahupun naratif tetapi falsafah hidup dan gaya pemikiran mereka yang saya rasa memainkan peranan yang paling kuat.

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

Keunikan karya Malaysia adalah "diversity" yang wujud dalam sastera keagamaan, adat, budaya, tradisi, dongeng dan mitos Malaysia. Sebagai contoh, kombinasi alam realiti dan ghaib dalam cerita-cerita dongeng masyarakat Malaysia mampu berfungsi sebagai metafora buat konsep majmuk yang bukan sahaja sesama manusia, tetapi

juga sesama keseluruhan makhluk alam. Sifat dan nilai positif ini boleh memainkan peranan yang unik kepada sinema dunia kerana pada dasarnya dan tanpa sinis, ia juga merupakan keunikan Malaysia.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

Keinginan saya wujud sebagai reaksi untuk berkongsi, menghibur dan menyembuh persoalan saya tentang alam nyata yang tersirat di hati.

Terangkan cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Saya kurang pasti. Namun, *Mee Goreng* diwaktu pagi boleh memudarkan perjalanan kerja di waktu pagi.

Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

Mengangkatkan kesedaran dan apresiasi sejarah filem Malaysia dengan lebih mendalam. Memartabatkan profesionalisme yang bersemangatkan solusi. Berdamping tangan bersama rakan-rakan seperjuangan. Mengkaji dan mengakui rentak selera semasa dalam pasaran domestik mahupun antarabangsa. Namun begitu, keikhlasan karya memainkan peranan yang paling penting.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Menerima jemputan "official selection" di Sundance 2014 dengan filem pendek. Kekasih yang dihasilkan bersama dana FINAS, lakonan Nasir Bilan Khan dan juga Fauziah Nawii. Sasaran kami adalah untuk menghasilkan filem cereka yang akan menghiburkan Malaysia.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Transformasi, cabaran dan persiapan yang harus dibangunkan bagi diri saya adalah untuk mengakui yang industri filem tempatan seperti industri lain adalah sebuah industri yang berfungsi dengan dana yang didorong oleh keuntungan. Sifat inilah yang akan menentukan sebuah industri yang mampu berkarya dengan merdeka. Selain daripada itu, filem tempatan boleh menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara sebagai mana industri filem Korea melaksanakan histeria sedunia bukan sekadar pelancongan ke Korea namun juga terhadap barang kosmetik, fesyen, kimchi, Samyang, Samsung dan segala benda yang pada dasarnya boleh dikaitkan dengan Korea. Ini dinamakan "Korean Wave". Malaysia boleh dan mampu bermatlamat yang sama, lebih-lebih lagi dengan variasi dan "diversity" yang berganda disini. Selain daripada insentif pengkarya sendiri, bantuan dana FINAS dan peranan Dato Kamil sebagai seorang yang berpengalaman dalam melayarkan "kapal" dunia perfileman Malaysia ke persada dunia memainkan peranan yang penting dalam memberikan "headstart" kepada penggiat filem tempatan dari segi merangkakan sebuah industri filem yang bukan sahaja menyumbang dari aspek kesenian negara tetapi juga dari segi ekonomi negara.

“ Pengalaman saya dalam bidang animasi, *design* dan *live-action* memberi semangat “Do-It-Yourself” yang saya kahwinkan bersama apresiasi yang cukup besar bagi proses dan kraf perfileman. ”



TUNKU MONA RIZA

Terangkan latar belakang anda di dalam dunia sinema kita ini?

Saya bermula dalam industri perfileman tv komersial sudah lama. Karier saya bermula di *casting agency*, kemudian bekerja dengan beberapa syarikat filem produksi di Malaysia dan Singapura. Saya juga pernah bekerja di *International Advertising Agency* seperti Lowe Lintas dan Naga DDB Needham dan juga pernah bekerja di sebuah post production house, iaitu VHQ (Video Head Quarters) Malaysia. After working with these companies and having strong experience, I started my own company name CURRENT PICTURES SDN BHD. In current pictures, I am the executive producer and film director in current Pictures. Setelah lama menjadi pengarah filem untuk iklan, saya telah membuat 2 supertele movies berjudul "Uri" (Beto Kusyairy) dan "Parit Jawa" (Eman Manan, Zahiril Adzim, Namron, Ruminah Sidek etc). REDHA adalah debut feature film saya.

Berapa lama proses pembelajaran dan kematangan yang diambil sebelum menduduki kerusi pengarah?

It took me 10 years before I become A FILM DIRECTOR

Apakah Signature dan kekuatan anda sebagai seorang pengarah generasi baru yang berjaya dan diperkatakan?

If you see my iklan yang pernah saya direct, dan kedua super tele dan feature film, sememangnya ada my own signature atau trademark. Pada pandangan saya (my humble opinion) when there is a signature or trademark of a director's work, ia akan menjadi satu kekuatan (which is strong as a brand – sebab film director is also like a brand). Dengan ini, insyaallah, ada kejayaan tersendiri.

Peranan idola anda di dalam bidang ini dan impak kepada anda sebagai pengarah?

Saya amat tertarik pada filem Salaam Bombay dan saya sangat teruja (semasa membaca namanya di end credit) bila saya dapat tahu *the film director is a female film director. I was in awe to see how this Film Director Mira Nair could direct and control the acting of kids from the street! Bukan pelakon, but kids from the street!, that was so inspiring & strong impact on me.*

Apakah definisi karya Malaysia bagi anda dan yang mampu menembusi dunia?

To my humble opinion, definisi karya malaysian yang boleh menenbusi dunia adalah karya yang mempunyai universal subject and "common emotions portrayed in the film" dan karya-karya ini juga mesti mempunyai international standard dari segi overall quality.

Nyatakan motivasi dan galakan untuk anda terus berkarya biarpun risiko industri yang tinggi?

My 2 children, mereka adalah motivasi saya. I can never forget the first time I was on stage, giving a speech and my children were staring at me. Their eyes said a lot. I can tell that they are so proud of me.

Terangkan Cabaran dan isu-isu yang sentiasa dihadapi sebagai karyawan filem Malaysia?

Cabaran no 1 – *finance* dan cabaran seterusnya – *I don't understand what the audience wants*. Saya rasa, tv station should have a cheaper price for their air time, supaya kita dapat advertise our trailer di tv. Tidak semua orang are internet connected..

“ There is no fixed strategy but I can only do my best to continue to produce quality film yang bertaraf antarabangsa. ”



Strategi bagi memastikan anda terus relevan, bertambah baik dan karya diterima semua pihak?

There is no fixed strategy but I can only do my best to continue to produce quality film yang bertaraf antarabangsa.

Pencapaian dan moment membanggakan dengan karya anda selama ini? Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Pencapaian & Proud moments – Too many proud moments of Redha but I share a few - this what has happened to me because of Redha – saya mendapat banyak hadiah dari segi drawings from anak-anak autism, all sorts of drawings & cenderamata. Saya juga menerima baju tadika anaknya dari seorang ibu yang hampa kerana baju itu dapat dipakai oleh anak autismnya hanya beberapa hari. So, bertahun si ibu simpan baju tadika itu supaya ia memberi peringatan dan motivasi padanya supaya tidak mengalah. Dia sering berkata pada dirinya "hanya orang yang mempunyai anak autism saja tahu apa perasaannya". Apabila dia menonton Redha, dia terkejut kerana dia diberitahu yang saya tidak mempunyai anak autism. To cut long story short, please go to my fb page and click on the cover photo and see the gift. The mother also has a blog and she wrote on this.

Saya dijemput ke Sek Kebangsaan (SK) Bukit Kiara di Sungai Petani di mana guru dan anak murid pendidikan khas mengadakan jamuan makan dan mini concert of appreciation for me, to show their appreciation of Redha. Saya dijemput ke Loh Guan Lye Speciaits Centre in Penang, and they did jamuan makan dan mini concert for me to show their appreciation of Redha. I was flown to Labuan & Brunei for meet and greet and again, families of autism shown so much emotional appreciation for this humble film of mine.

Recently, Current Pictures and GSC donated RM30,000.00 to NASOM – this was agreed between Current Pictures and GSC that every sales of ticket, RM1.00 will donate to NASOM.

Insyallah in July, we will be flown to singapore to meet and greet families with autism children and they will do charity screening to raise funds for autism association in singapore. Insyallah, in August this year, I will be flying to HK to give a talk on "film and autism"

Apa lagi yang ingin disasarkan di masa hadapan?

Ada banyak lagi yang ingin saya sasarkan di masa hadapan, tapi buat masa ni, biarlah saya pitch idea dulu.

Erti transformasi bagi diri anda dan persiapan yang harus dibangunkan sebagai penyumbang kepada ekonomi industri kita ini?

Self transformation dengan mempelajari trend dan citarasa masyarakat malaysian dan international agar karya saya yang akan datang boleh menjadi Box office di Malaysia dan juga dijual di peringkat antarabangsa dan ke festival besar. Secara tidak langsung, saya mahu filem tersebut boleh menjual nama Malaysia sebagai sebuah negara. If you notice some international films captures the essence of the country's vista so well on the screen, that made the audience to want to visit the place/country.



TEMU BUAL KHAS BERNAMA BERSAMA DATUK SERI DR SALLEH SAID KERUAK SEMPENA SETAHUN BELIAU MENERAJUI KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

SUMBER: WWW.BERNAMA.COM

Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak adalah seorang pemimpin Sabah yang berpengalaman luas dalam politik tanah air. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Politik dan Kerajaan Universiti Putra Malaysia, beliau pernah menjadi Ketua Menteri Sabah dari 28 Dis 1994 - 27 Mei 1996, selain memegang pelbagai portfolio penting dalam kabinet Sabah. Terkini, beliau dilantik sebagai Bendahari UMNO menggantikan Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah yang meletak jawatan dalam parti pada Jun lepas. Tanggal 3 Ogos, genap setahun Salleh menerajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia, sebuah kementerian yang berperanan besar dalam memberi penjelasan berkaitan dasar dan program kerajaan.

Dalam temu bual khas bersama BERNAMA, Salleh berkongsi perasaan, aspirasi dan visi beliau, selain mengupas pelbagai program kementerian itu dalam memenuhi keperluan rakyat serta pencapaian semasa kementerian berkenaan. Beliau turut melahirkan keprihatinannya terhadap keluhan rakyat berhubung isu capaian dan kepentasan Internet yang masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan.

Berikut ialah transkrip penuh temu bual berkenaan.

S_OALAN 1: TANGGAL 3 OGOS, GENAP SETAHUN YB DATUK SERI MENERAJUI KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA. APAKAH PERASAAN YB DATUK SERI SEMASA

DIMAKLUMKAN YANG YB DATUK SERI AKAN DILANTIK SEBAGAI MENTERI KKMM?

SALLEH: Alhamdulillah hari ini genap setahun pelantikan saya sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia. Sebenarnya saya tidak menyangka yang saya dipilih dan diberikan kepercayaan oleh YAB Perdana Menteri untuk menerajui sebuah kementerian yang begitu strategik dan merupakan tulang belakang kepada struktur pentadbiran negara. Perasaan saya pada masa itu tentulah bercampur-baur membayangkan senario dan cabaran yang bakal dihadapi dalam menggalas tanggungjawab baharu ini.

Namun demikian, sebagai "orang lama" dalam bidang politik, saya menerima pelantikan ini dengan hati terbuka. Bidang politik bukanlah sesuatu yang asing malah telah menjadi darah daging saya memandangkan saya dilahirkan dalam keluarga yang begitu masak dengan asam garam dunia politik.

Saya sendiri mulai berkecimpung dalam arena politik sejak pertengahan tahun 1980 dan pernah dilantik sebagai Ketua Menteri selepas pilihan raya negeri Sabah 1994 sebelum dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 2011. Saya juga pernah memegang pelbagai portfolio penting dalam kabinet Sabah. Berlatarbelakangkan pengetahuan serta pengalaman tersebut dan sebagai seorang ahli politik, saya bersedia untuk berkhidmat di mana-mana demi negara selagi kuat masih ada.

Sementelah saya dengan KKMM juga mempunyai hubungan yang istimewa kerana saya pernah menjadi Pengurus Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Pengalaman menerajui FINAS mendedahkan saya dengan lebih mendalam kepada isu-isu serta topik-topik yang menjadi perhatian kepada kementerian secara keseluruhannya.

S_OALAN 2: SEBAGAI MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA, APAKAH ASPIRASI YB DATUK SERI?

SALLEH: KKMM mempunyai dua fungsi strategik iaitu teknikal dan sosial yang wajar dilihat dan diuruskan secara bersama dalam usaha memantapkan ekonomi negara. Sebahagian daripada jabatan dan agensi di bawah KKMM misalnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MDEC dan MYNIC berperanan merancang dan membangunkan strategi-strategi bagi industri komunikasi termasuklah melalui pembangunan prasarana telekomunikasi. Agensi-agensi ini juga menyediakan platform untuk pembangunan ekonomi digital bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi digital di negara ini. Sebahagian yang lain pula, seperti Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas, Jabatan Penyiaran Malaysia, BERNAMA dan FINAS berperanan selaku agen utama dalam menyampaikan dan menyebarkan informasi bertujuan membentuk masyarakat



bermaklumat dan membangunkan industri kreatif negara.

Kedua-dua fungsi strategik tersebut tidak boleh dipisahkan sebaliknya harus saling melengkapi. Inilah pemerhatian saya sebaik sahaja memegang jawatan ini. Dengan itu, saya sentiasa menekankan agar jabatan dan agensi di kementerian ini bekerjasama dan berkolaborasi dengan lebih erat dalam menjalankan amanat serta menangani pelbagai isu dan cabaran masa kini.

Berpaksikan kepada prinsip tersebut, KKMM sedang menyediakan Pelan Strategik Komunikasi dan Multimedia yang memberi fokus kepada empat teras utama seperti berikut:

- i. menghubung rakyat;
- ii. membina masyarakat bermaklumat;
- iii. menggerak ekonomi digital; dan
- iv. memperkasa industri kreatif.

Pelan strategik tersebut adalah bertepatan dengan fungsi utama kementerian ini. Dalam masa yang sama, pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta FINAS 1981 juga sedang dijalankan.

Bagi saya, fungsi KKMM begitu mencabar sekali kerana hampir semua tindakan perlu diambil dalam tempoh masa sebenar (*real time*). Sebab itulah saya memperkenalkan “Cepat, Tepat dan Cermat” sebagai moto KKMM. Pembudayaan moto ini dalam kementerian adalah amat penting selari dengan peranan dan tanggungjawab kementerian iaitu sebagai penyiar maklumat berkaitan sosiopolitik kepada setiap lapisan masyarakat di samping menjadi pengurus media massa, pengurus perhubungan awam, penyiar dan pemberi maklumat rasmi Kerajaan.

SOALAN 3: NEGARA KITA TELAH MULA MELANGKAH KE HADAPAN DENGAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI. BAGI MEMENUHI KEPERLUAN RAKYAT YANG SEMAKIN BERTAMBAH, APAKAH TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN BAGI MEMASTIKAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI NEGARA DAPAT DITAMBAH BAIK?

SALLEH: Saya sedar dalam era digital dan globalisasi masa kini, adalah penting untuk kita mewujudkan rakyat Malaysia yang terhubung dan berhubung (*information society*). Oleh itu, saya telah menggerakkan KKMM untuk melaksanakan pelbagai program bagi memastikan rakyat tidak terpinggir terutama di kawasan pedalaman.

Saya prihatin dengan keluhan rakyat terhadap isu capaian dan kepentasan Internet yang masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan. Bagi memenuhi keperluan rakyat, kementerian sedang menyedia dan menambah baik infrastruktur digital kerana ia bukan sahaja penting dalam menghubungkan orang ramai melalui saluran komunikasi, tetapi juga menjadi asas pembangunan ekonomi menerusi industri berintensifkan pengetahuan. Justeru, saya memberi penumpuan untuk mempertingkatkan capaian Internet melalui projek pembinaan jalur lebar berkelajuan tinggi Projek Jalur Lebar BerkelaJUAN Tinggi 2 (HSBB 2) dan Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Saya mengarahkan supaya kementerian sentiasa memantau pelaksanaan bagi memastikan projek ini tidak tergendala dan berjalan mengikut perancangan. Sehingga kini, kelajuan perkhidmatan jalur lebar telah meningkat dengan tersedianya sejumlah 1.9 juta port dalam Projek HSBB dan HSBB2 yang memberi liputan dan manfaat kepada 3.1 juta premis di kawasan-kawasan yang terlibat.

Untuk peluasan liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G pula, sebanyak 1,392 lokasi telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G di seluruh negara. Peluasan Rangkaian Fiber Optik atau SKR1M merupakan satu inisiatif menaik taraf rangkaian teras sedia ada kepada fiber optik untuk perkhidmatan mudah alih berkelajuan tinggi dan menyediakan lebar jalur (*bandwidth*) yang lebih baik selari dengan permintaan untuk perkhidmatan Long-Term Evolution (LTE) atau 4G. Saya yakin projek pemasangan kabel fiber optik dasar laut dengan kapasiti sehingga 4Tbps antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan anggaran jarak panjang kabel sejauh 3,500 kilometer akan dapat meningkatkan jaringan komunikasi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dengan lebih pantas.

Saya merasa bangga kerana inisiatif ini telah berjaya melonjakkan kedudukan Malaysia di rantau Asia-Pasifik dalam Indeks Pembangunan ICT (IDI) dari tangga ke-9 pada tahun 2014 ke tangga ke-8 pada tahun 2015. Kedudukan baik ini memperlihatkan pencapaian positif Malaysia dari sudut akses atau capaian, penggunaan dan kemahiran dalam ICT. Kadar penembusan jalur lebar turut mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan apabila lebih daripada 30 juta langganan jalur lebar dicatatkan pada 2015, iaitu peningkatan 50 peratus daripada 20 juta pada 2014.

Di kawasan pedalaman, Pusat Internet 1Malaysia atau PI1M berfungsi sebagai pusat ilmu menawarkan capaian asas Internet dan latihan ICT serta

keusahawanan secara percuma telah dan sedang dibina. Sehingga suku tahun pertama 2016, sebanyak 675 PI1M telah siap dibina manakala 164 yang lain dalam proses pembinaan. Lebih daripada satu juta pengguna telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan berkenaan. Jumlah keahlian di PI1M pula telah mencecah lebih 550,000 orang.

Kejayaan kepada pelaksanaan inisiatif ini tidak berlaku tanpa hubungan baik, kerjasama dan sokongan syarikat-syarikat dan pemain-pemain industri telekomunikasi negara.

SOALAN 4: MEDIA SOSIAL DILIHAT SEBAGAI SATU SALURAN PENTING DALAM MERANCAKAN LAGI FUNGSI KKMM. APA PANDANGAN YB DATUK SERI TENTANG PERKEMBANGANINI?

SALLEH: Pada masa kini, media sosial menjadi saluran yang popular untuk rakyat mendapatkan maklumat kerana mudah dan cepat diakses. Saya berpandangan ia akan memberi manfaat yang optimum sekiranya digunakan secara berhemah. Ilmu pengetahuan, pemikiran yang matang, pandangan dan kritikan yang membina serta masyarakat yang bermaklumat (*an informed society*) boleh membantu menggerakkan agenda negara dalam meningkatkan semangat patriotisme, perpaduan, keharmonian, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Saya adalah seorang yang percaya bahawa perbezaan pendapat itu adalah perkara biasa malah ia boleh diraikan. Tetapi perbezaan pendapat tidak sepatutnya membawa kepada perpecahan dan menimbulkan perasaan benci-membenci. Kita harus tahu bagaimana mengurus perbezaan kerana ia amat penting dalam menentukan kelangsungan kestabilan dan kesejahteraan negara. Walau apa sekalipun perbezaan yang ada, yang pentingnya ialah semangat cinta pada negara perlu terus teguh dan kukuh.

Mencapai hasrat tersebut merupakan cabaran besar. Kementerian sedang giat melaksanakan pelbagai program di peringkat akar umbi bagi membudayakan semangat cintakan negara dan pembinaan jati diri dalam masyarakat kita.

Antaranya adalah Program Malaysia Inklusif Negara Digital atau singkatannya MINDA, Program Menghubung Menyatu, Program Kreativiti@Komuniti (K@K), Program Jelajah Kampus dan Program Komuniti 1Malaysia (K1M). Beberapa program lagi sedang dirancang dan saya berharap program-program tersebut akan berjaya membina pemikiran sivik masyarakat dan menggelorakan perasaan cintakan negara.



S OALAN 5: BAGAIMANA PULA DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI DIGITAL PADA HARI INI. APAKAH PERSIAPAN KEMENTERIAN?

SALLEH: Ekonomi digital bukanlah suatu perkembangan baharu. Dalam menggerakkan ekonomi digital, saya menitik beratkan pembangunan ekosistem digital yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan industri dalam bidang ini. Saya percaya pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, membolehkan ekosistem tersebut diwujudkan dengan lebih cepat kerana peraturan dan garis panduan baharu yang akan dihasilkan memudahkan pemain industri mematuhi segala keperluan kerajaan. Sebagai contoh, pembinaan Pusat Data di Iskandar Malaysia membolehkan pemain industri lebih berminat melakukan aktiviti ekonomi digital di Malaysia dengan kos yang lebih efektif. Ini kerana Rangka Kerja Harga Capaian akan ditambah baik bagi menggalakkan persaingan dan perkongsian infrastruktur dalam kalangan penyedia perkhidmatan.

Saya berasa bangga kerana setakat ini industri ICT telah menjadi salah satu sektor ekonomi yang penting di Malaysia. Malah kerajaan telah menyasarkan supaya sektor ekonomi digital menyumbang sekitar 20% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Ekonomi digital juga merupakan fokus Bajet 2017 seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Konsultasi Bajet 2017 baru-baru ini. Ini bermakna KKMM mempunyai peranan penting dalam memastikan ekonomi digital berjaya dimajukan untuk pembangunan negara.

Saya juga berasa gembira kerana Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia turut menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat khususnya melalui pelaburan dalam dan luar negara serta peluang pekerjaan yang dihasilkan. Sehingga Jun 2016, sebanyak 4,042 buah syarikat ICT telah diberikan status MSC Malaysia. Pada tahun 2015, MSC Malaysia telah menyumbang sebanyak RM15.3 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Tahun 2015 juga merupakan tahun yang mencatatkan nilai pelaburan tertinggi sejak penubuhan MSC Malaysia dengan nilai pelaburan baharu sebanyak RM5 bilion iaitu peningkatan sebanyak 72% berbanding RM2.9 bilion pada tahun 2014, manakala pelaburan semula mencatatkan sebanyak RM15.2 bilion.

Di samping mewujudkan sebanyak 10,981 peluang pekerjaan pada tahun 2015, syarikat berstatus MSC Malaysia juga telah mencatatkan nilai jumlah jualan sebanyak RM42.1 bilion serta nilai eksport sebanyak RM16.2 bilion melalui perkhidmatan dan hasil produk ICT yang dibangunkan.

Pelaksanaan MSC Malaysia *cybercities* dan *cybercentres* juga telah diperluaskan di seluruh negara. Sehingga Jun 2016, sebanyak 44 *cybercities* dan *cybercentres* telah beroperasi di seluruh negara.

Saya juga merasa teruja dengan perkembangan terkini dalam bidang keusahawanan dan perniagaan dalam talian. Program eRezeki yang diperkenalkan telah menarik seramai 76,156 orang daripada golongan B40 untuk berdaftar. Seramai 30,925 orang pula telah dilatih di bawah program ini. Daripada jumlah ini, seramai 22,873 orang telah menjana pendapatan berjumlah lebih daripada RM15 juta. Sebanyak tiga platform *crowdsourcing* antarabangsa dan 18 platform tempatan telah menjadi rakan industri program eRezeki.

Program eUsahawan pula telah berjaya melatih sejumlah 19,694 pelajar TVET dan usahawan melalui kursus yang telah diikuti. Seramai 5,976 orang telah berjaya menjana pendapatan tambahan melalui program ini dengan jumlah terkumpul melebihi RM12 juta.

S OALAN 6: PADA PANDANGAN YB DATO' SERI, MAMPUKAH MALAYSIA MENCAPI IMPIAN MENJADIKAN INDUSTRI KREATIF ANTARA YANG DINAMIK DALAM KALANGAN NEGARA-NEGARA ASIA MAHUPUN DUNIA?

SALLEH: Industri kreatif adalah industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat. Industri ini mempunyai potensi besar untuk menjana kekayaan dan mewujudkan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksloitasi harta intelek. Saya percaya bahawa industri kreatif negara ini boleh bersaing di pasaran antarabangsa sekiranya mendapat sokongan dan galakan pelbagai pihak. Salah satu cabaran besar industri ini yang perlu didepani ialah penggiliran bakat dan penghasilan kandungan berkualiti tempatan yang boleh diketengahkan dan diiktiraf di peringkat global.

Saya telah meminta supaya pembangunan bakat dan kandungan yang berkualiti diberi keutamaan dengan membuat perancangan menyeluruh. Di samping itu, pelan pemasaran yang mantap juga perlu disediakan.

Saya mengucapkan tahniah atas usaha yang diambil. Sehingga Jun 2016, nilai jualan dan pelaburan eksport kandungan adalah sebanyak RM51.2 juta melalui program pasaran filem antarabangsa. Bagi tempoh yang sama, nilai kandungan eksport adalah sebanyak RM240 juta manakala jumlah kutipan filem bagi 24 buah filem yang ditayangkan melalui skim wajib tayang adalah sebanyak RM56.74 juta. Kesemua ini membuktikan industri kreatif mampu menjadi pemacu kepada ekonomi baharu negara.

Kita juga tidak ketinggalan untuk mengajak industri kreatif negara melalui

penghijrahan penyiaran TV terrestrial kepada digital dengan pelaksanaan projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Pelancaran perkhidmatan TV Digital secara berperingkat disasarkan bermula pada suku keempat 2016 di kawasan Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Sehingga Jun 2016, liputan siaran perkhidmatan TV Digital telah disediakan kepada hampir 85% kawasan berpenduduk melalui pembinaan 14 stesen pemancar TV di seluruh negara. Sepuluh lagi stesen pemancar TV bakal dipasang pada penghujung tahun 2016 bagi peluasan liputan perkhidmatan TV Digital kepada 91% kawasan berpenduduk.

Saya amat prihatin dengan keresahan sesetengah pihak yang belum menerima pengagihan set top box. Saya ingin menjelaskan bahawa setakat ini pengagihan *set top box* tersebut dibuat sebagai percubaan bagi melihat keupayaan dan keberkesanan set tersebut.

S OALAN 7: APAKAH PANDANGAN YB DATUK SERI MENGENAI PENCAPAIAN KKMM DALAM TEMPOH SETAHUN INI? BAGAIMANAKAH YB DATUK SERI INGIN MELONJAKKAN LAGI INDUSTRI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGARA UNTUK TEMPOH MENDATANG?

SALLEH: Saya bersyukur dengan pencapaian KKMM bagi tahun 2015 kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini semua adalah hasil daripada penggembangan tenaga dan sokongan Timbalan Menteri saya Datuk Jailani Johari serta pengurusan kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha, Datuk Seri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Pengurusan Tertinggi Kementerian dan seluruh warga KKMM.

Suka saya menyatakan di sini bahawa pencapaian prestasi KKMM telah melonjak secara berganda. Saya mengucapkan tahniah kepada Ketua Setiausaha Kementerian yang telah berjaya memimpin dan mengurus kementerian ini dengan cemerlang melalui agenda transformasi perkhidmatan awam dan diiktiraf oleh kerajaan dengan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang "Sangat Melepas Sasaran". Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dan Pengurusan Tertinggi Kementerian amat saya hargai.

Melangkah ke hadapan, kementerian ini akan terus melipatgandakan usaha melalui pemantapan dasar, strategi dan program di bawah empat teras utama kementerian. Inisiatif dan program yang sedang dan akan dilaksanakan kelak mengambil kira enam teras strategik Rancangan Malaysia ke-11 yang memberikan penekanan kepada aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek melalui pertumbuhan berpaksikan rakyat.



FINAS BINA SINERGI KREATIF BERSAMA KOMUNITI LUAR BANDAR



Kota Belud, 22 Julai – Selaras dengan peranan memperkasa dan membangunkan komuniti kreatif di seluruh negara dan mewujudkan ekosistem baru melalui teras pembangunan kemahiran, modal insan, suntikan dana dan galakan, FINAS turut padang mempromosikan perkhidmatan di Program Kreativiti@Komuniti Peringkat Negeri Sabah anjuran Kementerian

Komunikasi dan Multimedia Malaysia, KKMM dari 22-23 Julai 2016 di Kg. Rampayan Laut, Kota Belud, Sabah. Untuk program ini juga, FINAS telah mengadakan penerangan dua hala mengenai industri filem dan kandungan kepada komuniti di Kota Belud melalui sesi Eksplorasi Kreativitimu oleh Penasihat Industri Kreatif Sabah dan Sarawak, Tn.Hj.Deddy M. Borhan yang turut mencungkil bakat mereka melalui apresiasi lakonan, pengarahan dan penulisan skrip selain penerangan mengenai dana pembangunan kandungan oleh Pitching Centre.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menyentuh peranan menyeluruh Kementerian dan setiap agensi untuk turun padang berhubung dengan rakyat secara langsung bagi membina jaringan ilmu dan membangunkan kreativiti di seluruh pelusuk negara.





P. Ramlee sanggup potong gaji demi siapkan filem bermutu

Oleh: Akmal Abdullah
(akmel191@gmail.com)

Terbaru, nama P. Ramlee jadi *trending* atau fenomena di media sosial berikutan kontroversi kenyataan seorang produser terhadap P. Ramlee. Menyentuh P. Ramlee, ia memang sentiasa menjadi tarikan dan perhatian ramai. Setiap kali ada isu mengenai P. Ramlee, ramai yang akan mengulas dan sentimen menyayangi dan menyanjungi seniman hebat ini. Beliau akan dipertahankan oleh ramai pihak dalam kalangan masyarakat.

Hal ini disebabkan Seniman Agung itu adalah tokoh seni negara yang tiada tandingannya kerana meninggalkan khazanah seni filem dan muzik yang cukup bermakna untuk rakyat Malaysia. Namanya sudah menjadi satu kebanggaan mutlak rakyat Malaysia, malah peminatnya semakin ramai waima mereka ini meminatinya selepas kematiannya yang kini sudah menjangkau lebih 43 tahun.

Tidak salah untuk memperkatakan P. Ramlee secara pro dan kontra disebabkan beliau adalah seniman kepunyaan ramai. Kehebatan karyanya dan keunikan hasil kerjanya menjadikan karyanya terus diberi perhatian, bukan saja generasi sezaman tetapi generasi baru yang kini masih di peringkat sekolah juga pasti tertarik dengan sebahagian filem P. Ramlee. Anak kecil dan remaja mengenali P. Ramlee menerusi karyanya meskipun mereka ini lahir selepas beberapa dekad selepas ketidaaan P. Ramlee.

Kenapa P. Ramlee begitu hebat? Mengapa begitu jauh P. Ramlee memberi kesan nostalgia, kebanggaan dan nilai sentimental yang kuat kepada masyarakat?

Sedangkan ketika zamannya juga ramai pelakon dan pengarah filem lain yang berkarya dan filem mereka mendapat perhatian ramai. Nama seniman veteran lain yang sezamannya pada era 1950-an dan 60-an, terutama ketika menjadi anak wayang di Studio Malay Film Productions, Selain Cathay-Keris Film, Studio Merdeka juga ada tarikan dan mendapat perhatian ramai.

Namun, karya seni P. Ramlee juga yang terus dipandang tinggi, masyarakat tidak kira berbilang kaum, sama ada golongan marhaen dan kelas pertengahan mahupun elit sangat mengagumi dengan hasil karyanya sehingga kerajaan terus mengiktiraf nama seniman besar Nusantara ini dalam pelbagai cara. Ia termasuklah pemberian darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 1990. Sanjungan terhadap P. Ramlee dilihat berlebih-lebihan dan karyanya sejak zaman beliau hidup menjadi sebutan sehingga banyak filemnya mendapat box-office dan seterusnya memberi untung besar kepada Shaw Brothers.

Disebabkan itulah, apabila ada pihak menyifatkan kehidupan P. Ramlee tidak semewah nama besarnya ketika beliau di penghujung usia, itu adalah satu takdir





buat P. Ramlee. Malah, P. Ramlee sendiri tidak pernah bercita-cita untuk jadi kaya raya atau jutawan, apatah lagi zaman itu, untuk hidup mewah bukan masanya kerana era 1960-an dan 1970-an, masyarakat Melayu masih bergelut untuk mengangkat maruah dan membina ekonomi bangsanya selepas baru saja negara tercinta ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Bayangkan, ketika era 1950-an lagi P. Ramlee sudah dibayar dengan pakej harga RM30,000 untuk sebuah filem yang diarah dan dibintanginya. Jumlah itu, kalau dibandingkan zaman sekarang pun tidak terkejar disebabkan ada segelintir pengaruh filem zaman kini yang dibayar cuma sekitar RM25,000 saja untuk satu filem. Namun, P. Ramlee pada era 1950-an sudah dibayar dengan pakej harga RM30,000, selain diberi tempat tinggal berupa rumah banglo dan sebuah kereta.

Namun, itulah P. Ramlee. Wang bukan segala-galanya bagi beliau. Meskipun ditawarkan sehingga RM30,000 oleh Tauke di Shaw Brothers bagi setiap filem yang disiapkannya, P. Ramlee menganggap ia bukan cara dia untuk 'buat duit'. Beliau mahu berkarya dan beliau berasa bertanggungjawab untuk masyarakat. Disebabkan itu, beliau sanggup bayarannya itu dipotong oleh produser kerana mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan. Hal ini kerana, pihak Shaw Brothers mengenakan syarat bayaran RM30,000 diberikan jika beliau

dapat menyiapkan filem dalam tempoh tiga bulan. Namun, P. Ramlee menyiapkan filemnya sampai berbulan-bulan demi mencari kepuasan berkarya dan terlalu teliti dalam menyiapkan filemnya yang mahu dihidangkan kepada masyarakat.

Semenjak tahun 1980 lagi sudah ditubuhkan muzium khas yang dinamakan Pustaka Peringatan P. Ramlee, selain nama Allahyarham diabadikan menerusi nama anugerah, jalan, sekolah, auditorium, pawagam, dewan, malah di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) juga sudah diperkenalkan Kursi P. Ramlee. Khabar terbaru juga, kementerian berminat untuk menaikkan taraf ASWARA dengan nama Universiti P. Ramlee.

Tarikh pemergian P. Ramlee pada 29 Mei 1973 di Kuala Lumpur dikenang sebagai tarikh untuk mengenang jasa seniman di negara ini. Tarikh itu juga diwartakan oleh kerajaan Malaysia sebagai sambutan rasmi Hari Seniman. Hari Seniman menjadi simbolik kepada usaha menghargai, mengenang dan menyanjung tinggi jasa bakti dan pengorbanan semua anak seni yang terbabit dalam apa jua bidang kesenian di negara ini.

Hal ini bukan sahaja membabitkan seni budaya seperti perfilman, lakonan, muzik maupun teater, sebaliknya apa saja bidang kesenian termasuk seni tradisional yang menyumbang kepada tamadun, integriti budaya dan peradaban bangsa seperti seni ukir, seni lukis, seni bina, wayang kulit, mak yong, boria maupun seni tampak dan seni khat.

P. Ramlee ialah bapa segala seniman yang menjadi rujukan kepada dunia kesenian bangsa kita. Pemergiannya memang dirasakan sebagai kehilangan dan ketiadaan begitu dirindui. Namun,

kehilangan itu bukan untuk diratapi ataupun dikenang dengan kesedihan, sebaliknya menjadi inspirasi untuk membawa dan meletakkan bidang kesenian termasuk filem bangsa kita ke tahap lebih baik, mulia dan bertaraf global, bersesuaian dengan falsafah seni sebagai fitrah terhadap kehidupan dunia manusia.

Kehebatan karya Seniman Agung itu terutama filem lakonan dan arahannya kebanyakannya adalah disebabkan kelebihan daya kreatif, gerak lakon mempesona, pemikiran dan nilai moral yang diresapkan dalam naratif serta plot ceritanya yang memberi impak dan dekat di hati masyarakat. Cara penyampaian yang mudah difahami, menghiburkan dan ada elemen emosi serta intelektual menjadikan kebanyakan sentuhan filem P. Ramlee menjadi cukup selesa dinikmati.

P. Ramlee menyogok elemen nilai moral dan kritikan itu dengan begitu bersahaja, subtle (halus), lembut dan tidak terasa untuk kita menerimanya sambil kita menonton filem itu untuk berhibur dan bersantai. Dari usia kanak-kanak, remaja, belia dan dewasa mahupun orang tua, penonton boleh menerima mudah filem P. Ramlee kerana ceritanya disampaikan secara mudah dan ringkas, meskipun tema, mesej dan nilai moralnya begitu berat dan berdaya intelektual yang tinggi.

Kritikan sosial dalam filem arahannya begitu jelas seperti kita lihat dalam filem Tiga Abdul (1964). Ianya padat dengan kritikan masyarakat yang menyentuh sikap ketamakan, kecurangan, hubungan adik beradik, perniaga yang tidak jujur, pemurah, orang tengah 'kaki sembelih', kasih sayang tanpa ikhlas dan mentua haloba. Begitupula filem yang berjudul Ibu Mertuaku (1962) yang diterbitkan sarat dengan kritikan sosial mengenai status dan harga diri manusia yang terlalu ego dan mementingkan diri sendiri sehingga sanggup membikarkan jiwa lain derita dan merana. Filem Antara Dua Darjah (1960) juga memperlihatkan kritikan status masyarakat antara rakyat biasa dengan golongan keturunan raja dan antara si elit dengan si marhaen.

Filem Semerah Padi (1956) memperlihatkan elemen Islam diberi suntikan mengejutkan dengan kritikan terhadap mereka yang diamanahkan melaksana dan menguatkuasa hukum dan undang-undang Islam tetapi berdepan konflik dan dilema terhadap diri, keluarga dan kawan baik sendiri.

Pelbagai nilai moral, kritikan sosial dan elemen pendidikan yang disampaikan menerusi corak persembahan cerita menghiburkan ketara menerusi filem genre komedi seperti Musang Berjanggut, Bujang



Lapok, Seniman Bujang Lapok, Pendekar Bujang Lapok, Ali Baba Bujang Lapok, Labu Labi, Nasib Labu Labi, Do Re Mi, Nasib Do Re Mi, Anak Bapak, Masam-Masam Manis, Ahmad Albab dan Keluarga 69. Penonton tetap merasai keseronokan dan berdekah-dekah menonton komedi ini. Walaupun filem tersebut ditonton berkali-kali, kita tetap terasa ada sesuatu yang diberikan oleh P. Ramlee mampu menjentik emosi, akal budi dan hati nurani kita. Komedi P. Ramlee dalam bodoh ada jujurnya, dalam jenaka ada cerdiknya, dalam merapu ada bijaknya.

Kenapa P. Ramlee mampu berbuat demikian? Persoalan inilah yang harus dikupas, dikaji, dibongkar dan dibangkitkan supaya kita dapat mencari formula, akan kehebatan filem P. Ramlee dan bagaimana sentuhannya itu nampak ringkas tetapi cukup berkesan, bermutu tinggi dan mempunyai kekuatan sinematik, dramatik, pragmatik dan didaktik. Kehebatannya dalam muzik dan nyanyian juga diserapkan dalam filemnya yang disesuaikan mengikut mood lagu ciptaanannya. Hal ini menjadi nilai tambah kepada daya tarikan tinggi terhadap filem arahannya.

Perkara inilah yang harus dinilaikan oleh anak seni zaman sekarang, iaitu mengambil inspirasi dengan menjadikan khazanah seni yang ditinggalkan oleh Allahyarham sebagai pedoman untuk melihat seni perfileman sebagai sesuatu yang cukup relevan dan mustahak untuk membina, membentuk dan merangsang jiwa serta pemikiran masyarakat. P. Ramlee menggunakan seni untuk masyarakat beliau dengan menyampaikan pemikiran murninya untuk membina sikap masyarakat. Filem ditangan P. Ramlee berjaya membantu, membina sahsiah dan perilaku anak bangsa untuk menjadi insan lebih baik bukan sekadar kemajuan diri dari segi fizikal, ekonomi dan taraf hidup, tetapi melangkui mutu peribadi, ciri kehidupan, kualiti hidup bermasyarakat, ketuhanan, kemanusiaan, kasih sayang, patriotisme, keadilan sosial serta kekeluargaan.

P. Ramlee akan terus disanjung kerana khazanah seni yang tidak ternilai harganya ditinggalkan oleh Allahyarham. Dia tidak meninggalkan warisnya harta berjuta-juta ringgit tetapi legasi seninya menyelinap kepada anak seni zaman kini dan menawan hati rakyat negara ini. Sesungguhnya, Malaysia begitu bertuah memiliki P. Ramlee.





TANYA FINAS 2.0

Cinematheque@FINAS Content Malaysia Pitching Centre, Kuala Lumpur

Sumber: FB FINAS

#tanyaFINAS2.0

Ketua Pengarah FINAS, YBhg. Dato' Kamil Othman memberikan penerangan berkaitan industri kreatif negara kepada penggiat seni yang turut sama hadir memeriahkan program.

Intipati Kandungan YBhg. Dato' Kamil Othman, Ketua Pengarah FINAS di Program #TanyaFINAS:

1. FINAS komited meneroka pasaran filem global bagi pembangunan eksport kandungan dan menyahut seruan kerajaan sebagai penggerak ekonomi industri. Sebanyak RM 51.2 juta pelaburan eksport diperolehi dengan penyertaan di pasaran filem luar negara pada separuh pertama tahun 2016.
2. Industri kreatif adalah business entity bagi menjana pembangunan ekonomi penggiat industri namun tetap menonjolkan budaya dan jati diri bangsa dan negara.
3. Sebagai tunjang industri, kualiti karyawan akan terus diperkasakan dengan pembangunan kemahiran, akreditasi dan modal insan. Program # CERTIFIED dijalankan dengan kerjasama strategik Jabatan
4. Pembangunan Kemahiran dan insitusi pendidikan bagi karyawan yang berdaftar dengan persatuan dan menjana kadar bayaran yang sepatutnya.
5. Program # CILL Creative Life Long Learning juga memberi peluang kepada karyawan industri untuk penambahan ilmu dengan kursus insentif jangka pendek di institusi pengajian dalam dan luar negara.
6. FINAS melihat pembangunan kualiti skrip amat penting dan mengalakkkan generasi baru terus meneroka bidang ini dengan peranan FINAS sebagai





- incubator* dengan proses bimbingan dan mentoring melalui program kemahiran dan workshop. Script Funding juga mekanisme baik bagi terus mengalakkan penghasilan skrip berkualiti termasuklah melalui teknik adaptasi daripada naskhah berkualiti.
6. Produser juga perlu berani mencari pelaburan daripada sumber yang pelbagai memandangkan sumber dana

- yang terhad daripada kerajaan. Generasi pembikin filem yang baru termasuklah golongan wanita akan dibimbing dengan elemen pembangunan kemahiran dan modal insan.
7. Kandungan digital perlu terus diterbitkan dengan potensi pendigitalan penyiar dengan fokus kepada citizen centric. Ekosistem media juga telah berubah di mana

- sosio budayanya bergantung kepada teknologi dan gadjet.
8. Sistem wajib tayang baru sedang di dalam proses gazet dan akan direalisasikan bagi menjaga kualiti filem yang ditayangkan di pawagam.
 9. Filem tempatan juga mampu membangunkan penjenamaan produk mereka seperti Upin dan Ipin dan fokus kepada pengedaran antarabangsa.





SABAH FILM ADALAH LAMBANG CINTA DAN MARUAH SAYA”

- DEDDY M. BORHAN

OLEH: AHMAD SYAZLI MUHD KHIAR
(PENGARAH KOMUNIKASI KORPORAT FINAS)

Menemui figura ini ketika ditemubual di Hotel Le Meridian Kota Kinabalu, Sabah amatlah mudah dan menyenangkan. Harus diakui, penulis mengenali kehebatan bintang filem Azura, Hapuslah Airmatamu, Kisah Seorang Biduan dan Si Badol melalui kaca TV tanpa menyedari betapa pentingnya nama besar di sebalik filem-filem ini yang telah berjuang mengangkat filem Keluarga Si Comat (1975) bersaing dengan filem-filem import dari Hollywood, Hindustan dan juga Indonesia dan akhirnya membuka spektrum sinar baru buat filem tempatan ketika itu.



Tn. Hj Maddin Borhan (72) atau Deddy M. Borhan penerbit dari syarikat ikonik Sabah Film Productions telah berkongsi pahit, manis, suka serta duka perjuangan beliau ketika itu dan penulis berbincang perspektif berbeza tentang sumbangan beliau untuk industri filem Malaysia khususnya pada tahun 1970-an dan 1980-an. Jangan dinafikan sumbangan emas beliau di dalam memberi nafas industri filem ketika itu dan meletakkan filem kita di tahap yang lebih baik.

MENGAPA MEMILIH PELABURAN DI DALAM INDUSTRI FILEM YANG SANGAT TIDAK MENGUNTUNGKAN BUAT FILEM MELAYU KETIKA MENERBITKAN KELUARGA SI COMAT?

Saya seorang pencinta seni dan pencinta filem dan membesar dengan kegemilangan filem Melayu di Studio Jalan Ampas di mana Shaw Brothers dan Cathay Keris berlumba-lumba menghasilkan filem yang dipuja rakyat jelata. Namun ketika era kesuraman bermula biarpun Allahyarham Tan Sri P. Ramlee berhijrah ke Studio Merdeka, filem-filem kita semakin sukar diterima dan terpaksa bersaing dengan filem-filem import Inggeris, Hindustan dan Indonesia yang lebih mendapat tempat dan ia ibarat hidup segan mati tak mahu. Keluarga Si Comat ditayangkan pada tahun 1975 namun tidak ramai yang tahu penghasilan ia menempuh proses yang sangat lama semenjak tahun 1971. Saya menemui sahabat saya Datuk Aziz Sattar (kini Allahyarham) dan menyampaikan hasrat menerbitkan filem dan beliau membawa saya menemui P. Ramlee di Shah Motel pada tahun 1971 untuk berbincang bagi hasrat ini. Namun, tiada rezeki bagi kerjasama ini di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, namun saya tekad untuk bermula dari bawah bagi menerbitkan filem sulung Sabah Film. Saya bersama-sama Aziz Sattar dan Abu Bakar Ali bersama-sama ke Hong Kong membeli sendiri peralatan penggambaran, pra produksi, dan proses pembikinan dari penghasilan skrip berkali-kali, pemilihan pelakon sehingga Aziz Sattar diberi peluang sebagai teraju pengarah bagi filem "Keluarga Si Comat" dan Alhamdulillah filem ini mendapat sambutan mengalakkam biarpun bersaing dengan filem import.

RAHSIA KEJAYAAN FILEM "KELUARGA SI COMAT" MEMBINA PERSEPSI DAN DIANGGAP MENGEMBALIKAN SAMBUTAN TERHADAP FILEM MELAYU KETIKA ITU?

Sebelum pembikinan lagi, saya mengkaji selera dan kehendak orang yang pergi menonton dan apa yang ingin ditonton

kerana ketika itu panggung wayang dianggap lokasi yang amat strategik bagi masyarakat berhibur. Saya bersama Aziz Sattar sebagai pengarah memikirkan cerita dan skrip yang paling mudah difahami untuk semua golongan menonton tanpa meminggirkan aspek kualiti dan kesan. Jadi, lahirlah Keluarga Si Comat lakonan Ibrahim Pendek, Junainah M. Amin, Aziz Sattar dan saya sendiri berkenaan kisah masyarakat dan keluarga yang lucu. Alhamdulillah, penonton suka dan sambutan amatlah baik dan saya fikir mereka sudah percaya yang filem kita juga mampu menghiburkan dan memenuhi kehendak penonton. Rahsia memenuhi selera penonton adalah resipi utama selain skrip yang baik.

SABAH FILM ADALAH SIMBOLIK CINTA DAN MARUAH UNTUK PERIBADI TUAN?

Ya, saya melihat perspektif filem bukan sekadar untuk keuntungan kerana biarpun saya seorang ahli perniagaan, ia tidak boleh dijadikan kayu ukuran untuk mengambil kesempatan kerana membuat filem ketika itu sangat berisiko besar. Saya dari Sabah ingin berjuang membangkitkan sambutan penonton kepada filem Melayu kerana cinta saya pada seni dan filem. Maruah filem kita ketika itu dipijak kerana faktor sosio budaya yang dibanjiri hiburan dari negara-negara luar dan pawagam kurang memberi peluang kepada filem-filem kita sendiri. Atas dasar itulah, saya tubuhkan Sabah Film dan ingin membuktikan kita masih ada ruang sekiranya dibikin dengan formula-formula tertentu dan menjadi berjaya.

FORMULA-FORMULA KEJAYAAN FILEM SABAH FILM ADALAH KERANA STRATEGI PEMASARAN TUAN BERSIFAT REALISTIK DAN MENONGKAH ARUS?

Alhamdulillah, selepas Keluarga Si Comat, saya telah menghasilkan 18 buah filem dalam tempoh 15 tahun dan saya akui strategi promosi dan pemasaran filem sangatlah penting kerana saya orang berniaga, keuntungan juga penting, kepuasan penonton juga penting. Saya akui banyak perkara baru saya gunakan seperti penglibatan pelakon dan penyanyi popular, lagu-lagu soundtrack, jalan cerita yang sesuai dengan masa, skrip yang baik dan disiplin "team" karyawan filem-filem itu. Orang datang ke panggung untuk lihat sesuatu yang baru, segar, menarik dan tidak memeningkan. Jika filem cinta sekalipun, semuanya kena menyentuh hati, filem komedi pun, pastikan ia lucu, pendek kata, apa yang dipertontonkan adalah sama dengan apa yang penonton mahukan. Setiap filem ada strategi masing-masing, untuk filem Keluarga Si Comat, hero saya ialah Ibrahim Pendek, AR Badol

pula untuk Si Badol dan Pagar-Pagar Cinta. Mereka juga komersial kerana mereka sudah dikenali dengan persembahan-persembahan pentas, mengumpul peminat yang tersendiri dan "comedian" yang sangat baik. Jadi untuk filem komedi, kita memang mencari pelawak yang mampu bersaing di arus perdana bagi menarik dan menjual filem-filem saya di pawagam.

AZURA DAN HAPUSLAH AIR MATAMU ADALAH ANTARA FILEM KEGEMARAN SEPANJANG ZAMAN DAN MENCINTA FENOMENA SEHINGGA KINI. MUNGKINKAH STRATEGI PENYANYI POPULAR INI AMAT PENTING KETIKA ITU HINGGA FILEM-FILEM INI BOX-OFFICE DAN MENJADI EVERGREEN?

Harus diakui, ia di antara faktor utama kerana penonton gemarkan yang boleh ditonton dan dinyanyikan bersama-sama. Saya tidak sebarang memilih penyanyi untuk menjadi bintang filem, harus juga diasah bakat mereka. Untuk filem Azura (1984) arahan saya sendiri, nama Jamal Abdillah dan Ogy Ahmad Daud memang besar ketika itu, faktor populariti yang ada pada mereka memang dinantikan kerana Jamal penyanyi muda yang hebat, Ogy juga bintang filem muda yang sangat bagus dan mampu menyanyi dengan baik, jadi, kenapa tidak gandingkan mereka sebagai pasangan di dalam filem dan Alhamdulillah, sambutan box-office dan menjadi fenomena sehingga hari ini. Filem Hapuslah Air Matamu (1976) dibintangi Sharifah Aini, Latif Ibrahim dan Broery Marantika juga terlebih dahulu menggunakan formula yang sama. Selepas Keluarga Si Comat yang berunsur komedi, filem Hapuslah Air Matamu ini tentang cinta, cita-cita dan kasih sayang sesama insan yang dipenuhi konflik dan airmata. Siapa yang tidak mahu ke panggung semata-mata ingin menonton lakonan penyanyi pujaan mereka yang bersuara emas namun kesemua insan seni ini dilahirkan serba boleh kerana mereka juga boleh berlakon dengan sangat baik. Jadi, Alhamdulillah filem-filem ini turut diperkatakan kerana soundtrack lagu-lagu yang menjadi siulan oleh masyarakat sehingga hari ini. Kalau diikutkan, mestilah ada penyanyi popular di dalam filem-filem saya seperti Dhalan Zainudin, Gaya Zakry, Jefrydin (Kisah Seorang Biduan), Junainah M. Amin (Keluarga Si Comat), Syed Sobrie (Azura) dan Ahmad Jais (Si Badol).

FILEM-FILEM TUAN MENGANGKAT LAGU-LAGU EVERGREEN ANTARANYA SEPERTI AZURA, SANDARKAN PADA KENANGAN, SERING SEJALAN, HAPUSLAH AIR MATAMU, KISAH SEORANG BIDUAN



DAN BANYAK LAGI. SINERGI MUZIK DAN LAGU DI DALAM FILEM SEAKAN MENJADI SIGNATURE SABAH FILM KETIKA ITU. ADAKAH INI RAMUAN RAHSIA YANG TIDAK DIAMBIL PEDULI PENERBIT LAIN?

Saya ambil contoh untuk filem Azura, lagu Sandarkan Pada Kenangan terlebih dahulu dipromosikan di TV supaya ia menjadi popular dan terbukti populariti lagu tersebut dan Azura menarik penonton ke panggung dan juga menjadikan filem ini fenomena sehingga hari ini. Kita mestilah melabur untuk mendapat sesuatu lagu yang baik, saya mendapatkan khidmat M. Nasir bagi pembikinan muzik filem Azura dan Ahmad Nawab untuk lagu-lagu filem Hapuslah Air Matamu. Mereka di antara komposer unggul di Malaysia dan sentuhan emas mereka juga adalah faktor penarik bagi filem-filem yang bersifat komersial. Saya memang pencinta seni dan setiap filem saya haruslah menggabungkan elemen-elemen tersebut untuk dipromosikan. Saya juga berani mengambil risiko menggabungkan Broery Marantika dari Indonesia dan Sharifah Aini kerana ianya kolaborasi dua negara namun ia juga berjaya mempopularkan kedua-duanya dengan lebih hebat lagi.

FILEM-FILEM SABAH FILM SECARA HALUS MENGANGKAT TARAF SOSIO EKONOMI DAN SOSIO BUDAYA BANGSA MELAYU SEPERTI “BUSINESS MINDED” DAN BERFIKIRAN LUAR DARI NORMA TANPA MEMINGGIRKAN JATIDIRI DAN BUDAYA BANGSA. PANDANGAN TUAN?

Ya, tidak ramai yang tahu falsafah dan perlambangan yang saya gunakan di dalam filem-filem. Dari skrip lagi, saya akan pastikan bangsa Melayu kita diangkat setidak-tidaknya sebagai usahawan berjaya di dalam bidang masing-masing menerusi watak yang diperkenalkan. Filem terbitan Sabah Film meletakkan tanda aras

bangsa kita boleh berjaya dan bangkit dari kegagalan kerana filem saya ditonton majoritinya ditonton golongan kelas sederhana dan ke bawah, jadi filem adalah medium terbaik memotivasi kita supaya terus berjuang merubah hidup. Filem Azura membuktikan anak orang kaya juga boleh bekerja dari bawah dan golongan muda yang berkahwin awal juga mampu berdikari tanpa mengharapkan ihsan ibu bapa. Filem Si Badol juga memberi inspirasi kepada golongan bawahan jangan berhenti bermimpi mencapai kejayaan namun mestilah disokong perlakuan baik. Biarpun di dalam filem saya ada pelbagai warna dan watak, saya akan pastikan bangsa kita tidak dilabel di dalam filem dengan perkara negatif dan harus diakhiri dengan unsur pengajaran yang kuat sekiranya melakukan kesilapan.

TUAN BERANI MEMPERTARUHKAN PENGARAH YANG DULUNYA KARYAWAN DI JALAN AMPAS UNTUK MENGARAHKAN FILEM HEBAT SEPERTI M. AMIN (HAPUSLAH AIR MATAMU, SUMPAH SEMERAH PADI), AZIZ SATTAR (KELUARGA SI COMAT. SI BADOL), MALIK SELAMAT (TOYOL), OMAR ROJIK (TALAK) DAN LAIN-LAIN SELAIN SENIMAN DAN SENIWATI LAGENDA SEPERTI MAHMUD JUNE, NORMADIAH, AZIZ JAAFAR DAN RAMAI LAGI DI DALAM FILEM. BAGAIMANA TUAN MELIHAT KEISTIMEWAAN MEREKA?

Saya cukup kagumi dan hormati bintang yang dilahirkan di Jalan Ampas kerana disiplin dan komitmen kerja mereka yang sangat bagus. Jika peluang tidak diberikan, bagaimana mereka mahu membuktikan mereka juga berkebolehan mengarah filem yang diterima dan digemari ramai sehingga hari ini. Kita harus hargai pengalaman dan kemahiran luas mereka semasa di Shaw Brothers dan Cathay Keris. Sebagai contoh, filem Keluarga Si Comat dan Si Badol arahan Allahyarham Datuk Aziz Sattar sangat digemari dan pecah panggung ketika itu. Filem Si Badol mengutip hampir RM 2 juta selepas ditayangkan selama 60 hari di pawagam dan menjadi antara filem Melayu yang bertahan paling lama di pawagam. Keunikian insan seni kerana mereka sangat jujur dengan dunia seni ini dan M. Amin juga banyak mengarahkan filem saya seperti Hapuslah Air Matamu dan Kisah Seorang Biduan yang diminati sehingga hari ini.

PESANAN TUAN BUAT PEMBIKIN FILEM HARI INI DAN APA YANG BOLEH DIKONGSIKAN BUAT MEREKA YANG INGIN MENCEBURI BIDANG INI.

Saya gembira melihat perkembangan industri kita pada hari ini dan marilah bersama-sama membangunkan dengan lebih baik lagi. Teruslah belajar dan menutut ilmu melalui pengalaman dan pembelajaran, jangan pernah berhenti. Jika ingin mendapat filem yang baik, perkasanalah skrip kerana itu tunjang utama, jika skrip sudah baik, pembikinan filem juga inshaAllah pasti memberikan hasil yang baik. Jangan tergopoh-gopoh membuat filem tanpa menguasai perkara-perkara ini, belajarlah satu persatu dan anda akan menjadi karyawan insyuransi yang baik. Jangan dilupa jatidiri dan budaya bangsa, kita yang bertanggungjawab mengangkat seni ini dengan sejurnya dan pastinya boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Nota : Penulis mengakhiri perbualan bersama beliau dengan perasaan sebak melihat seorang tokoh karyawan filem ini masih mampu berkongsi perasaan dan pengalaman beliau selama ini biarpun baru keluar dari hospital akibat faktor kesihatan. Hampir separuh abad hidupnya diabadikan untuk dunia filem kita dan terlalu besar jasanya mengangkat filem kita ke tahap yang lebih baik. Di usia 72 tahun, sehingga kini beliau masih terus menabur bakti sebagai Penasihat Industri Kreatif Sabah dan Sarawak bagi FINAS untuk membangunkan Borneo sebagai pusat kandungan kreatif bertaraf maju. Betul kata beliau, cinta dan maruah terhadap seni ini terlalu tinggi nilainya dan jika ini diperjuangkan, akan selama-lamanya kita harum seperti bait-bait puitis lagu Azura dari filem arahan beliau sendiri yang sangat tepat menggambarkan rasa cinta pada filem;
“Kaulah sinar hidupku
Yang Mengalirkan cinta di dalam jiwaku”



DIALOG

LATAR BELAKANG DIKMN

- ▶ Dialog ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem industri kandungan multimedia yang lebih profesional, harmoni dan dinamik bagi meningkatkan daya saing di peringkat global.
- ▶ Objektif penubuhan DIKMN adalah mewujudkan persatuan profileman yang efektif yang diwakili daripada pelbagai bidang profesional dalam industri bagi merangsang kecermerlangan industri kandungan kreatif tempatan dan lebih berdaya saing di peringkat global.
- ▶ Skop DIKMN meliputi perkara yang berkaitan dengan industri kandungan kreatif khususnya profileman. Secara ringkas, fungsi penubuhan DIKMN adalah untuk:
 - a. Menggalakkan usaha pembangunan berterusan dalam memajukan industri kandungan kreatif secara kolektif antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia, agensi kerajaan, persatuan profileman dan pihak pemamer/badan penyiar;
 - b. membincangkan permasalahan/isu dalam industri kandungan kreatif khususnya profileman tempatan;
 - c. perkongsian maklumat di antara penggiat industri dengan kerajaan bagi memudahkan pengurusan berkaitan industri kandungan kreatif;
 - d. membuat syor dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar untuk kemajuan industri kandungan kreatif; dan
 - e. meningkatkan kesedaran dan pematuhan penggiat industri kepada peraturan yang ditetapkan.

PENYERTAAN DIKMN

KKMM (Sebagai Pihak Pentadbir)

- i. YB Menteri KKMM – Pengurus;
- ii. YB Timbalan Menteri KKMM – Timbalan Pengurus;
- iii. Ketua Setiausaha KKMM;
- iv. Timbalan Ketua Setiausaha KKMM (Operasi); dan
- v. Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan.
- vi. Ketua Pengarah FINAS

Kementerian / Jabatan / Agensi

- i. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- ii. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK);
- iii. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
- iv. Lembaga Penapisan Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri;
- v. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM);

Pihak Industri

- i. Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PPFIM);



DIALOG INDUSTRI KANDUNGAN MULTIMEDIA NEGARA

SUMBER: BAHAGIAN STRATEGI DAN POLISI

Dialog Industri Kandungan Multimedia Negara (DIKMN) telah diadakan pada Februari 2016 bertempat di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang yang dipengerusikan oleh YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. FINAS merupakan sekretariat bagi melaksanakan DIKMN.



- ii. Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM);
- iii. Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN);
- iv. Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA);
- v. Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS);
- vi. Persatuan Penyanyi, Pemuzik, Penulis Lagu Tanah Air (PAPITA);
- vii. Post Production Animation & Creative Content Association (POSTAM);
- viii. Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia (PTVM);
- ix. Persatuan Penulis Kreatif Malaysia (CGM);
- x. Persatuan Penerbit Filem Iklan Malaysia (PPFIM);
- xi. Persatuan Dokumentari Malaysia (MYDOC);
- xii. Persatuan Karyawan Malaysia (KARYAWAN);
- xiii. Persatuan Pemamer Filem Malaysia (MAFE);
- xiv. *Malaysia Society of Cinematographers (MYSC)*;
- xv. *Creative Content Association of Malaysia (CCAM)*; and
- xvi. *Creative Content Industry Guild (CCIG)*.
- xvii. MEASAT Broadcast Network System Sdn. Bhd. (ASTRO); and
- xviii. Media Prima Berhad (Media Prima).

MiG Pictures Sdn Bhd (405739-A)
mempersembahkan

Pekin Ibrahim

Atikah Suhaime

Sebuah Filem Seram
Shahdan Hashim

VOLKSWAGEN KUNING

22 SEPTEMBER 2016

DIBINTANGI PEKIN IBRAHIM | ATIKAH SUHAIME, TURUT DIBINTANGI AZMAN HASSAN | SHAHZONZAM | FATEH AEEFA | MAK JAH, MENPERKENALKAN ADA OTTOMAN
PENYUTING DRAM NG PENGARAH SENI ZAKARIA ZAHID, PENGARAH FOTOGRAFI RAHIM MADIN, PENGARAH PASCA PRODUKSI DRAM NG PENYELARAS PRODUKSI AZAHARU ABDUL RAMADAN,
PEN. PENGARAH KARTIKA MOHAMMAD LAKON LAYAR & PENGARAH SHADAN HASHIM
PENERBIT MELAR (X) DAVID TEE

LPI/C/P1-1/SV6418/0015/2016/LUUS



.com/MiG.On9
.com/MiGTalent



@metrowealth



@MiGOnline
@dunia_sinema

<http://www.metrowealthpictures.net>





AZIZ.M OSMAN - DI SEBALIK FEMINISME DAN SANG PENCERITA

OLEH : AHMAD SYAZLI MUHD KHIAR
(PENGARAH KOMUNIKASI KORPORAT FINAS)

Saat dijemput untuk membuat liputan tentang seorang pengarah yang disifatkan "genius" ini dari kacamata saya, saya terus teruja untuk menemubual seorang anak seni yang banyak memberi inspirasi ini dengan lebih 15 buah filem arahannya semenjak tahun 1990. Saya masih ingat akan filem "Femina" (1993) yang saya tonton di Cathay Sungai Petani berseorangan biarpun baru berusia 10 tahun. Di sebalik karya ringan ataupun serius, ada jentikan sosial dan rahsia feminisme yang cuba disampaikan. Jangan dilupa fenomena filem Scenario yang beliau magiskan yang masih segar sehingga hari ini dan kisah dua dunia di dalam "Fenomena" (1990) yang menjadi antara filem Malaysia terbaik di dalam sejarah pada pandangan peribadi saya. Ikuti temubual saya melalui soalan yang diajukan ketika Program Sesi Perkongsian Ilmu bersama Aziz M. Osman anjuran FDAM dan FINAS baru-baru ini yang mana mampu mengupas dimensi impak filem-filem arahan beliau dari kacamata saya sebagai insan yang mencintai filem kita.

Melalui karya filem seperti Fenomena, Femina, Idola, Trauma, Seri Dewi Malam, Bintang Hati dan Puteri Impian contohnya, saudara seorang yang bersisikan feminism melalui banyak karya-karya yang mengangkat kekuatan perjuangan dan konflik golongan wanita di dalam menghadapi cabaran hidup mereka demi mencapai sebuah impian. Mengapakah saudara mengangkat Interpretasi dan simbolisme kepada dunia feminism di dalam karya saudara?

Saya seorang anak emak dan berpayung di bawah penghargaan terhadap golongan wanita, keluarga, dan masyarakat yang mana kebanyakkan cerita yang saya tonjolkan adalah melalui pengalaman saya, adik-beradik saya ataupun manusia di sekeliling saya. Feminism ini mungkin boleh dilihat dari aspek kekeluargaan, kasih sayang, penyatuan dan kesabaran yang boleh diolah dengan halus melalui filem. Saya pernah mengarahkan drama Anak Angkat (1993) lakonan Ida Nerina, Sidi Oraza, Allahyarham Dato' Mahmud June dan Anne Ngasri berkisarkan kisah kekerasan dan keganasan rumah tangga dan sungguh tersiksa jiwa saya membuat karya yang sungguh tegang. Jadi, menjadi feminist



boleh membuat kita lebih sensitif, peka, sedar dan faham tentang dunia di sekeliling kita yang boleh menjadi ilham dan inspirasi untuk cerita yang saya tulis. Saya juga melihat kekuatan ibu saya, Seniwiati Afidah Es iaitu contoh wanita yang sangat kuat.

Mengapa Saudara Aziz cukup gemar melakukan lebih kerja sebagai seorang pengarah dan turut berperanan sebagai penyunting, penulis cerita, lakon layar, pelakon, alih suara, penata seni dan banyak lagi di dalam sesebuah

produk dan saudara di antara karyawan serba boleh yang pernah mendapat anugerah Pengarah Terbaik, Penyunting Terbaik, Lakonlayar Terbaik dan Penata Seni Terbaik di Festival Filem Malaysia?

Saya sangat teliti dan 'demanding' untuk sesuatu kerja dan daripada wujud konflik untuk orang gagal menyiapkan seperti apa yang saya mahukan, lebih baik saya ambil tugas ini supaya proses kerja menjadi lancar. Saya belajar dan bermula dari bawah untuk berjaya sampai ke tahap ini dan semuanya melalui proses kematangan dan pembelajaran-



an berterusan. Kemampuan saya untuk menjadi 'multitasking' kerana hanya saya yang memahami apa yang saya mahukan kerana saya memang seorang 'introvert' dan ini mengerakkan saya untuk mencuba ruang yang saya tidak pernah terokai. Saya menjadi pelakon, pengarah, penyunting dan lain-lain kerana saya ingin belajar dan daya kemauan yang sangat tinggi melalui pembelajaran tidak formal dari kecil melalui pemerhatian, pengalaman dan pergaular dengan insan di sekeliling saya khususnya yang terlibat di dalam proses pembikinan filem. Jadi mereka yang bekerja dengan saya mesti faham apa yang saya mahukan dan sampaikan di dalam karya saya.

Karya-karya saudara banyak menonjolkan realisme dan sosio budaya golongan pertengahan dan bawah di dalam masyarakat yang direfleksikan sebagai anti-hero; wujud kelemahan, konflik interpersonal dan berimpian tinggi. Siri filem Senario, Gila-Gila Pengantin, XX Ray, Scoop, Baginda dan Femina adalah contoh terbaik yang mengangkat suara-suara masyarakat yang jarang diangkat sebagai subjek contohnya pekerja sarkis, penarik kereta, penebar roti canai, pemandu bas, penyanyi, wartawan, guru dan lain-lain lagi. Komen saudara?

Saya menganggap diri saya adalah seorang pencerita dan bukan pembikin filem. Jadi, cerita saya perlu jujur dan berlaku di sekeliling saya tidak kira lalih melalui kisah orang atau pengalaman sesiapa dan pembacaan saya. Untuk filem Lagi-Lagi Senario, saya mengambil ilham daripada cerita Datuk Yusof Haslam yang seringkali bercerita tentang penebar roti canai di restorannya asyik diambil orang lain manakala Senario Lagi adalah pengalaman saya sendiri mencari kereta saya yang hilang dengan insiden-insiden lain sepanjang pencarian itu. Justeru, kisah-kisah ini memang wujud di sekeliling kita dan mewakili suara masyarakat bawah yang boleh dijadikan ilham dan panduan untuk cerita yang baik. Kejujuran bercerita adalah elemen yang penting buat saya dan itu yang saya ingin sampaikan kepada penonton. Tetapi sekali-sekala juga saya bereksperimen dengan filem-filem yang lain nuansanya seperti Trauma iaitu psiko thriller dan Seri Dewi Malam yang berelemenkan komunikasi minda (psikik) untuk kepuasan peribadi.

Filem arahan saudara di antaranya seperti Fenomena, Femina, Puteri Impian, XX Ray dan khususnya siri Senario hingga kini diminati dan sangat relevan dengan konteks masyarakat kita pada hari ini. Ini membuktikan Aziz M. Osman berkarya dengan cerita yang melangkaui masa pembikinannya dan memperjuangkan kisah masyarakat yang tidak didendang?

Alhamdulillah jika filem saya diminati sehingga hari ini kerana saya percaya karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee diminati sehingga hari ini juga kerana kejujuran cerita masyarakat yang dibawa. Seperti yang saya maklumkan, apa yang penting ceritalah apa yang kita tahu supaya kejujuran itu sampai dan mudah difahami. Cerita-cerita saya kebanyakannya berkoreksyen masyarakat umum dan sosio-budayanya dan konfliknya mungkin masih sama jadi ia masih boleh dihadam oleh penonton kita pada hari ini. Semasa pratonton media filem Senario The Movie, saya minta khalayak biasa dari kawasan sekitar juga dijemput bagi mendapatkan input mereka dan jerit pekik dan ketawa mereka yang jujur membantu mewujudkan mood dan suasana kelucuan yang diinginkan. Jadi, suasana penontonan juga memainkan peranan bagi menimbulkan impak penerimaan yang lebih baik dan siapa audiens yang menontonnya. Jika dilihat filem Puteri Impian, ia berinspirasikan program realiti yang popular ketika itu, Golden Dreams berkenaan impian orang biasa iaitu gadis kilang untuk menjadi puteri raja. Saya tidak meletakkan impian itu sebagai halangan namun akhirnya gadis kilang itu memilih menjadi orang biasa kerana kebahagiaan itu adalah menjadi diri kita sendiri. Filem Fenomena menerapkan pertembungan konflik dua budaya yang akhirnya bersatu kerana nilai kemanusiaan yang kuat. Jadi, kisah-kisah ini memang berlaku di dalam realiti masyarakat kita dan mungkin inilah yang menjadikan ia dekat dan terus relevan.

Aziz M. Osman mengarahkan bintang-bintang filem hebat tanahair di dalam barisan filem seperti Eman Manan (Femina), Erma Fatima (Femina), AR Badul (Senario The Movie), Faizal Hussein (Fantasi) Allayarhamah Azean Irdawaty (Baginda), Susan

Lankester (Femina), Jalil Hamid (Baginda) dan ramai lagi yang turut memberi impak dan nama-nama ini dicalonkan dan memenangi anugerah untuk Anugerah Skrin dan Festival Filem Malaysia. Bagaimana saudara mencipta watak-watak yang tidak bersifat stereotype buat mereka dan memberi dimensi lakonan yang berbeza?

Pelakon-pelakon ini adalah bintang seni sejati dan mereka juga sahabat-sahabat saya. Bakat dan lakonan mereka juga sangat besar dan berilah apa sahaja mereka akan beri yang terbaik kerana mereka bukan diva dan sangat berdisiplin dan serius. Keupayaan mereka mendalam watak yang dicipta buat mereka ini tentulah hasil dari pengalaman mereka yang panjang di dalam industri dan Alhamdulillah, lakonan mereka diiktiraf dan saya tentunya senang bekerja dengan insan-insan seni seperti mereka kerana mereka juga diasuh dan dilahirkan dengan sistem dan kualiti kerja yang baik oleh pengarah filem dan drama terdahulu. Eman Manan dan Erma Fatima di dalam filem Femina diberikan watak yang lain dan mencabar dengan cerita yang berbeza yang menjadikan kelucuan dan keseriusan mereka itu sampai. AR Badul pula memang seorang seniman yang menjadi idola saya dari kecil dan kelucuan beliau sangat luar biasa dan bersifat selamba dan ini menambahkan impak kepada filem Senario yang saya arahkan. Pendek kata, saya bekerja dengan bintang-bintang yang faham akan kerja mereka dan serius di dalam kerja seni mereka. Saya bagi contoh di dalam set penggambaran arahan saya bagaimana seniwati Normadiah sanggup untuk jatuh dengan bersungguh-sungguh biarpun tidak sihat dan Tan Sri Jins Samsudin sanggup makan pedas biarpun tidak menyentuh makanan pedas secara realiti. Dedikasi bintang-bintang seni sejati ini amatlah mengagumkan.

Saudara Aziz M. Osman juga berjaya mencipta bintang wanita baru yang tidak mempunyai asas di dalam lakonan seperti Ramona Rahman (Fenomena), Maya Karin dan Jeslina Hashim (Seri Dewi Malam), Amy Mastura (Puteri Impian), Sharifah Aleya, Normala Samsudin dan Diana Danielle (Idola). Mengapa



mempertaruhkan sesuatu yang baru biarpun risikonya besar?

Saya suka cabaran dan sesuatu yang segar, dengan mengangkat nama-nama baru, proses kerja ini menjadi lebih mudah. Hal ini kerana saya tidak perlu mengikut waktu artis-artis yang popular dan menganggu pembikinan filem saya. Menjadi seorang yang introvert, saya perlu mengutamakan kerja saya dan lebih baik saya melatih orang baru dan kerja dapat dilaksanakan tanpa gangguan. Alhamdulillah, Amy Mastura dan Jeslina Hashim memenangi anugerah Pelakon Wanita Terbaik dan Pelakon Harapan Wanita di FFM menerusi lakonan mereka. Ini membuktikan yang baru jika digilap bakatnya juga akan menjadi bintang yang bersinar.

Saudara Aziz cukup gemar meneroka keajaiban sains dan teknologi dan berkarya dengan elemen tersebut untuk meghasilkan filem bergenre sains fiksyen yang banyak menggunakan kesan khas. Kejayaan XX Ray, XX Ray II dan Senario XX juga refleksi kepada usaha berani saudara?

Dunia sains fiksyen sememangnya adalah kiblat Hollywood dari dahulu dengan filem bergenre sedemikian dan jarang sekali diangkat di Malaysia dahulu kerana faktor kos dan kajian. Peluang mengarah filem XX Ray adalah peluang keemasan kerana ia juga membuka mata khalayak tentang eksplorasi sains yang juga suatu ilmu berguna. Namun ingin saya tegaskan, apa jua genre termasuk sains fiksyen tanpa sokongan cerita dan skrip akhirnya tidak kemana kerana kesan khas hanyalah 15%. Justeru, genre hanyalah panduan tetapi kitab penceritaan itu yang memandu filem kita untuk menjadi baik atau sebaliknya. Saya juga berpegang kepada kekuatan

“ SAYA SUKA CABARAN DAN SESUATU YANG SEGAR, DENGAN MENGANGKAT NAMA-NAMA BARU, PROSES KERJAINI MENJADI LEBIH MUDAH. ”

elemen kemanusiaan di dalam filem seperti mana filem Star Wars yang menjadi fenomena dari dahulu kerana kekuatan subjek kemanusiaan biarpun bertiangan sains fiksyen.

Skrip-skrip garapan Aziz M. Osman dilihat turut menekankan elemen motivasi dan inspirasi melalui pelbagai watak yang dicipta. Ia sekaligus menonjolkan laungan “jangan mengalah dengan cabaran dan jangan berhenti mencuba” yang diolah secara halus. Kepentingan penceritaan sebegini dari kacamata saudara?

Saya seorang ‘storyteller’ dan watak-watak yang dicipta menjadi ikon dan inspirasi kepada yang menonton dan ianya harus jujur dan dekat dengan mereka. Di dalam filem Puteri Impian contohnya, saya lambangkan bulan sebagai simbol cita-cita dan harapan bersinar, namun bulan takkan menjadi matahari kerana setiap orang berjaya dengan takdir yang berbeza. Mengapa malu menjadi gadis kilang kalau itu lebih memberi kebahagiaan daripada menjadi orang lain yang berbeza keadaannya. Ini adalah realiti yang memberikan motivasi agar tidak mengalah dengan hari ini untuk masa depan yang lebih cerah untuk hari esok. Ini adalah untuk semua orang dan siapa yang menonton mungkin dapat menjiwainya.

Adakah kerana ini falsafah kehidupan dan kemanusiaan serta kritikan sosial dapat disisipkan menerusi karya Aziz M. Osman yang bersifat ringan dan menghiburkan kebanyakannya?

Orang pergi menonton di pawagam bukan untuk memberatkan kepala dan saya kena jujur dengan cerita saya. Filem yang ringan juga mampu memberi impak dengan skop dan pemahaman bersifat universal. Filem Senario Lagi ketika di Festival Filem Asia Pasifik di Fukouka juga berjaya menambat hati penonton kerana elemen komedi situasinya juga bersifat global dan boleh diterima. Pendek kata, genre apa sekalipun, storytelling itu sangat penting. Idola saya Othman Hafsham dan Mat Sentol juga mengangkat filem komedi tapi sangat memberi kesan sehingga hari ini dengan pengisian dan garapan yang lain dari yang lain.

Saudara Aziz juga di antara individu yang menyokong angkatan karyawan generasi baru dengan menonton filem mereka?

Sebagai pencinta filem saya tonton semua filem sama ada baik atau buruk. Saya juga kagum dan hormat dengan karyawan generasi baru seperti Nik Amir, Syamsul Yusof, Syafiq Yusof, Nizam Razak, Liew Seng Tat dan lain-lain lagi yang menambahkan lagi warna kreativiti di dalam industri. Jadi kita sokonglah industri kita dengan menghormati yang lama dan menerima yang baru dan bersatu untuk pembangunan industri filem kita.

Sesi Perkongsian Ilmu dan Pengarahan bersama Aziz M. Osman pada hari itu berakhir dengan teaser trailer filem terbaru beliau XX Ray III yang jelas menunjukkan ilitzam beliau dengan dunia sains fiksyen ini. Saya cukup kagum dengan bakat besar di sebalik tubuh kecil seperti tidak pernah dimakan zaman. Aziz M. Osman, seperti mana halusnya kritikan sosial di dalam filem-filemnya juga ibarat cahaya rembulan yang redup memancar dunia seni dan mencipta suatu legasi yang penuh erti. Hayatilah bait-bait ungkapan Isabella (Ramona Rahman) kepada Azlan (Dato' M. Nasir) di dalam filem sulung arahannya Fenomena.

“Jangan terlalu kecewa dengan masalah hari ini sehingga kita lupa akan kebahagiaan hari esok”

FROM THE PRODUCER OF 'POLISEVO' AND THE DIRECTOR OF 'THE JOURNEY'

a CHIU film

LA BOLA

**YOU WILL BELIEVE
AGAIN**

OLA BOLA DAN CITRA MALAYSIA

OLEH: SITI RUQAIYAH HASHIM

OLA BOLA, filem terbaru arahan Chiu Keng Guan yang mengarahkan The Journey yang Berjaya meraih kutipan box-office lebih RM 17 juta dua tahun yang lalu sekali lagi membawakan citra Malaysia dalam filemnya. Ia sekaligus memaparkan ‘keterpisahan’ dan keasingan kita dalam sebuah masyarakat majmuk Malaysia yang sedang diterima hakikatnya oleh semua orang bahawa kita hidup dengan suasana yang memaparkan uniti dalam kepelbagaiannya.

领衔主演 PELAKON UTAMA: Siti Nurhaliza / 希娜芝拉、Iain Fortree / 伊恩·福瑞、Muhd Izqian Hafizi / 穆罕默德·依兹坎、Yan Ting-Chang / 陈亭旺、Erie Wang / 韦绮雯、Taufiq Hanafi / 豪飞哥、Katrina Ho / 胡可琳、Fatin Shah / 范雪儿、Daphne Low Sin Mun / 刘思敏、Wing Shum / 沈雪芬
联合演出 PELAKON PEMBANTU: Mark Williams / 马克·威廉斯、Lin Jian Wen / 林健文、Eriq Chin Teng Shin Wang / 谢精昌、Tina Yip / 叶丽仪、Kathy Wong / 黄玉英、Elaine Ng / 邓雪莹、Soon Yong Chow / 张永顺、Penata Busana & Tatarias / 达拉士、Gwyneth Lee / 李欣薇、Lee Ming-Keat / 李明建、Liu Jun-Yi / 刘君宜、Ah Yu / 陈雅瑜、Daphne Perng / 彭玲玲、Penulis Skrip: Goh Boon Chye / 吴文才、Penulis Lagu: Alex San / 陈荣安、Penulis Muzik: Marcelo Costa / 马塞洛·科斯塔、Penyanyi Utama: Devenita Uey / 帕维那·尤艾、Penyanyi Pendukung: Padraig Tomasso / 帕德雷格·汤马索、Penyanyi Latar: Chan Yoke Ying / 陈碧瑜、Tan Pikey / 陈碧琪、Poly Chen / 陈洁、Percutian: Siti Nurhaliza / 希娜芝拉、Iain Fortree / 伊恩·福瑞、Muhd Izqian Hafizi / 穆罕默德·依兹坎、Yan Ting-Chang / 陈亭旺、Erie Wang / 韦绮雯、Taufiq Hanafi / 豪飞哥、Katrina Ho / 胡可琳、Fatin Shah / 范雪儿、Daphne Low Sin Mun / 刘思敏、Wing Shum / 沈雪芬

影帝得主的影帝 PENERIBIT VIVA Marcelo Garcia 影帝得主的影帝 PENERIBIT VIVA Rodrigo Thomasso 影帝得主的影帝 (马来西亚) PENERIBIT VIVA (Malaysia) 2009 Bok Chee Hong
出品人 PENERIBIT EKSEKUTIF Nawa Abu Bakar / Tung Yow Kong / Datuk Steven Lim 总监 PENERIBIT EKSEKUTIF 朱志恒 Choo Chi Han 监制 PENERIBIT EKSEKUTIF 王章 KC Cheong / 马全 KC Chuan
导演 ARAHAN 青元 Chiu
出品 SEBUAH TERBITAN  astro SHAW    制作 SEBUAH PRODUK SINEMA MALAYSIA 33 duced with the financial assistance of
荣誉出品 DENAYA UTAMA     联合制作 DENAYA BERSAMA 全力力挺 SOYONCAN PENIUR                 



Mengangkat suatu peristiwa bersejarah yang benar-benar berlaku dalam era bola sepak Negara tahun 1980-an, Ola Bola membawakan suatu perspektif menarik dalam filem Malaysia yang tidak pernah disentuh sebelum ini. Menjadikan filem ini punya keunikannya yang tersendiri. Melalui dua filemnya The Journey dan Ola Bola, Chiu Keng Guan telah meletakkan dirinya sebagai seorang pengarah yang teliti, sensitif dalam kehidupan dan memamer dan mengungkap sudut pandangan yang jujur mengenai komuniti minoriti Cina dari mana dia datang yang hidup dalam masyarakat besar Malaysia bersama komuniti majoriti Melayu dan satu lagi komuniti minoriti, iaitu orang

India. Realiti tentang kompleksiti fabrik masyarakat yang telah kita lalui bersama semenjak kemerdekaan negara ini hampir 70 tahun yang lalu.


Filem terbitan Astro Shaw, Golden Screen Cinema dan Multimedia Entertainment ini membawakan filem Ola Bola yang skripnya ditulis oleh Chan Yoke Yeng dan Tan Pik Yee dari cerita asal Chiu Keng Guan dan Chan Yoke Yeng. Ianya mengangkat peristiwa bersejarah pasukan Bola Sepak Malaysia yang berada di zaman kegemilangannya ketika itu hingga berjaya layak ke Sukan Olimpik 1980 di Moscow mewakili Benua Asia. Suatu fakta sejarah yang masih diperkatakan hingga kini dan menjadi legenda sekaligus menjadi igauan

buruk kepada pasukan bolasepak kita hari ini yang sentiasa dibandingkan dengan pasukan di bawah jurulatih Karl Heinz Weigang itu. Walau pun sayang sekali, kecermerlangan itu tidak dapat dibawa ke Moscow kerana Malaysia di antara negara yang memboikot sukan olimpik 1980 kerana membantah serangan tentera Rusia di Afghanistan.

Pun begitu, filem ini digarap dengan sentuhan fiksyen yang cukup kreatif kerana menurut Chiu, beliau tidak mahu terikat dengan sebuah biografi tentang sesiapa dan mahu lebih bebas berkarya. Apapun, beliau tidak benar-benar lari dari kisah sebenar dan watak-watak dalam filem ini. Ada 'Tauke' Chow Kwok Keong (lakonan JC Chee) ketua pasukan yang sebenarnya memaparkan karakter Datuk Soh Chin Aun dan penjaga gol Muthu lakonan Saran Kumar yang merupakan bayangan karakter penjaga gol pasukan 1980 yang handal iaitu Arumugam. Pemain yang memakai jersi No 10 yang kita semua tahu adalah Mokhtar Dahari dalam filem ini dinamakan Ali yang punya kelebihan luar biasa sebagai penyerang legenda yang belum ada tandingannya hingga ke hari ini.

Ola Bola mengisahkan Marianne seorang wartawan sukan kelulusan luar negeri yang ditugaskan untuk membuat penyelidikan dan program tentang pasukan bola sepak Malaysia tahun 1980 yang berada di kemuncak kegemilangannya. Marianne (lakonan Marianne Tan Poh Yee) sedang berkira-kira untuk keluar negeri untuk bekerja di sana untuk memulakan karier yang lebih baik seperti pandangan ramai orang muda seangkatan dengannya. Tetapi, segalanya berubah setelah beliau bertemu Balak Eric Yong (lakonan Eric Teng) pemain pasukan kebangsaan dari Sabah





yang turut bermain pada tahun 1980. Segala yang dilalui oleh pemain pasukan bola sepak kebangsaan serta konflik kehidupan sehari-hari mereka dari cerita Eric membawa makna dan kesedaran besar kepada Marianne tentang patriotisme, semangat kekitaan, kebersamaan, persahabatan dan persaudaraan antara berbagai penduduk Malaysia yang berada dalam pasukan tersebut. Marianne akhirnya membatakan rancangannya untuk bekerja di luar negeri.

Menganalisis filem ini juga memerlukan kejujuran dan keluhuran. Dalam Chiu memperkenalkan kesempitan hidup beberapa pemain pasukan kebangsaan kita tahun 1980, beliau juga memaparkan realiti sebenar masyarakat. Ada luka di hati masyarakat bukan melayu negara ini agaknya bila dipaparkan Chow Kok Keong terpaksa membuat tiga kerja sehari suntuk menyara kehidupan keluarganya. Kakaknya Chow Mei Ling (lakonan Daphne Low) yang merupakan seorang pelajar cemerlang di peringkat MCE terpaksa bekerja sebagai tukang jahit dan penoreh getah dan tidak dapat menyambung pelajarannya

keperingkat yang lebih tinggi. Tapi, pada masa yang sama Chiu juga dengan kejujuran yang tidak sedikit memaparkan pegawai tentera dan dua orang tentera Melayu yang bersama pasukan bola sepak kebangsaan tersebut di kem bina semangat dan pemantapan disiplin ala tentera sebelum perlawanan akhir antara Malaysia menentang Korea Selatan untuk menentukan wakil Asia. Baguslah Chiu memahami sensitiviti dan 'luka' di hati masyarakat Melayu dengan memapar begini!

Pihak Astro Shaw sehingga kini tidak mengumumkan kos sebenar filem ini. Pun begitu, anggaran konservatif penulis filem ini pasti tinggi kosnya. Banyak shot serta penggambaran sudut kamera yang menarik termasuk dari udara dalam hutan hujan tropika dan di Sabah serta ketulinan set dan prop, malah 'fun fair' yang siap dengan permainan 'tikam-tikamnya' serta pentas joget lambak dengan penarinya terdiri daripada wanita Melayu menari 'twist' dengan berbagai rupa dan gayanya. Beberapa orang kru dari luar negeri dengan pengalaman bekerja di Hollywood juga menjadikan penataan cahaya dan kesan visual filem ini cukup baik dan istimewa dilakukan oleh Marcelo Garcia dan Rodrigo Tomasso dari Argentina. Ting Chang seorang pengarah fotografi dari Taiwan melakukan kerja yang baik dengan adegan di fun fair di waktu malam dan Chow Kok Keong menunggang motosikal di jalan kampung dengan teman wanitanya ketika pulang setelah bekerja di fun fair.

Dari segi lakonan, kebanyakan watak filem Ola Bola dilakonkan oleh pendatang

baru melainkan Bront Palare sebagai Rahman seorang wartawan sukan yang punya gayanya yang tersendiri tapi belum pernah diberikan peluang oleh ketuanya untuk membuat ulasan selari. Tetapi pada perlawanan akhir menentang Korea Selatan, Rahman mendapat peluangnya dan bukan itu saja, caranya yang unik menarik perhatian ketuanya. Seperti biasa, Bront memberikan lakonannya yang terbaik dan amat meyakinkan. Sementara semua pendatang baru dalam filem ini tidak mengecewakan. JC Chee, Muhamad Luqman Hafidz sebagai Ali, Mohamad Taufiq sebagai Abu, Daphne Low, Saran Kumar, Marianne Tan, Katrina HP Fooi Tan, berjaya membawa watak masing-masing cukup meyakinkan.

Syabas kepada Chiu Keng Guan yang membawakan filem yang jujur dengan kritikan sosial yang halus begini. Jugaklimaks paling menyentuh perasaan babak ketika di bilik persalinan separuh masa perlawanan dengan Korea Selatan, di mana semua pemain Malaysia akhirnya mengetahui bahawa keputusan kerajaan Malaysia telah dibuat iaitu kalah atau menang, Malaysia telah memboikot Sukan Olimpik Moscow 1980. Konflik nilai, peribadi, social dan patriotisme yang cukup dalam dan halus dipaparkan dengan menarik sekali. Chiu belajar membuat filem dari Beijing Film Academy yang juga merupakan akademi yang melahirkan pengarah tersohor Zhang Yimou dan lain-lain. Mungkin FINAS perlu menyarankan lebih ramai pelajar filem kita yang perlu menimba ilmu profileman di Beijing Film Academy!



REDHA BY TUNKU MONA RIZA: OF HARDSHIPS, HOPE, SACRIFICE AND SALVATION

A RABBI LIVED IN A TINY ROOM WITH NO STOOLS TO SIT ON
AND A DESK THAT SERVED AS A BED AT NIGHT.

ANYBODY WHO CAME TO VISIT, HAD TO SIT ON THE
GROUND OR STAND TO TALK.

A VISITOR SAID, 'RABBI, WHERE IS YOUR FURNITURE?'
THE RABBI SAID, 'WHERE IS YOURS?' THE VISITOR
REPLIED, 'I AM ONLY PASSING THROUGH.' THE RABBI
REPLIED, 'SO AM I.'

By : Hassan Abd Muthalib

The above story came to mind when I saw the last scene in the film Redha by Tunku Mona Riza. It is a scene with a powerful 'message' that is extremely relevant to all of us, no matter what religion or creed we may belong to. In the scene, father and autistic son walk off into a blurry distance. In the foreground is the grave of the dead mother who had done her best for her son. When she was alive, she had realised that she was only 'passing through' in this world. The blurry background that her husband walks into with his son is a signifier that his troubles may not be over yet. He has not realized this earlier but after her death, he has come to terms with himself, and has come to the same conclusions as his wife. He will now be stronger in his resolve.

It is said that the word Islam means nothing less than the 'true and complete surrender to the manifest will of the Divine Creator of us all'. 'Redha' is an Arabic word that can be translated as acceptance or surrender. To the ordinary Muslim, this means accepting and surrendering oneself to God's decrees. However, for the Sufis (and other mystics), the first step on the path to self-realisation is to go beyond surrendering oneself to His decrees. It is surrendering oneself - only to Him. The short story of the rabbi above is an illustration of this form of acceptance of the nature of things by someone who has been ordained with the understanding the kind that mystics of all religions try to attain to in their search for meaning in their lives. The true mystic listens to the voice of the Self within that unveils, and not to the voice of

the Ego that besmirches.

